

MAJLIS DOA SELAMAT, KESYUKURAN ISTIADAT BERSIRAM

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Majlis Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi’atul ‘Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah sempena meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Nabeelah Najmul Bolqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda ‘Abdul Malik berlangsung di Surau Istana Nurul Iman, hari ini.

Majlis disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Istiadat bermula dengan empat orang Awang-Awang masuk ke dalam majlis untuk meletakkan Dian Empat yang tersedia terpasang di tempat yang dikhaskan. Kemudian diikuti tiga orang Awang-Awang membawa masuk Surat Dikir, Bantal Geguling dan Pabarahan dan meletakkannya di tempat yang telah ditentukan.

>> Muka 3



MAJLIS disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar di Surau Istana Nurul Iman. - Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit.

95 warga KKBS terima Pingat Kerja Lama

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Seramai 95 warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dianugerahkan Pingat Kerja Lama (P.K.L) pada Majlis Penyampaian P.K.L sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 pada tahun 2024, bagi kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diadakan di Dewan Digadong, Bangunan KKBS, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian pingat-pingat kepada para penerima yang diraikan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

>> Muka 5

Hari Terbuka JCHS teroka kemahiran profesional kesihatan

Oleh : Pg. Syi’aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Kolej Sains Kesihatan JPMC (JCHS) hari ini mengadakan Hari Terbuka di JCHS, Jalan Ong Sum Ping.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh selaku tetamu khas.

Atur cara dimulakan dengan penulisan pesanan inspirasi yang merupakan *gesture* simbolik penuh bermakna oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan di ‘Wall of Hope’ kolej berkenaan, sebagai sokongan dan semangat kepada para pelajar JCHS.

>> Muka 4

Pelancaran Smart, Green Classroom tingkatkan pembelajaran efisien

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

SUNGAI AKAR, Selasa, 24 Jun. - Dalam usaha meningkatkan pengalaman pedagogi melalui penggunaan teknologi moden serta menjadikan pembelajaran lebih menarik, interaktif dan efisien, dua buah sekolah menengah terpilih kini dilengkapi dengan sebuah konsep bilik darjah pintar hijau.

Projek ini merupakan hasil kerjasama di bawah inisiatif Perkongsian Awam-Swasta (PPP) antara Kementerian Pendidikan dan Syarikat Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., yang mana syarikat berkenaan melalui

program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), telah menyumbangkan sebuah konsep bilik darjah pintar hijau bagi Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Sekolah Menengah Lambak Kiri.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha syarikat berkenaan dalam mendukung transformasi pendidikan berteraskan teknologi dan kelestarian di negara ini.

>> Muka 5



Berita Utama



8 ketua kampung terima sijil lantikan

Muka 7



TINGKATKAN kefahaman, kemahiran penyampaian mesej Islam

Muka 13



MEMUPUK amalan terbaik pengurusan keselamatan, akauntabiliti alam sekitar

Muka 19



TEQBALL : Serlahkan kemahiran mengawal bola

Muka 23

Memulihara biodiversiti penting untuk kekalkan perkhidmatan ekosistem

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Ak. Jefferi Pg. Durahman

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warramatullahi
Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Selamat Pagi
kepada semua

SAYA dengan sukacita mengalu-alukan awda semua ke Majlis Perasmian Persidangan Brunei Darussalam Mengenai Hutan ke Terumbu Karang anjuran bersama Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan, dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam dan Poni Group Sendirian Berhad, diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2025.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menjayakan acara ini termasuk penceramah, para penaja dan peserta yang dihormati dan tidak melupakan pasukan penganjur kita. Kehadiran dan sokongan awda mencerminkan komitmen bersama kami untuk memajukan pemuliharaan biodiversiti dan pengurusan ekosistem bersepadu.

Memahami hutan ke kontinum terumbu karang : Pendekatan ekosistem saling berkaitan

Tema 'Hutan ke Terumbu Karang' menonjolkan kontinum ekologi antara persekitaran daratan dan laut kita dari

hutan darat dan bakau ke camar dan terumbu karang. Ekosistem ini bukan sahaja mempunyai kepelbagaian biologi, tetapi juga saling berkait dalam menyokong perkhidmatan ekosistem, mengekalkan kehidupan, dan meningkatkan daya tahan kita terhadap perubahan iklim.

Di peringkat global, Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) dalam laporan 2022 menyatakan bahawa hutan meliputi kira-kira 31 peratus daripada kawasan tanah bumi. Walau bagaimanapun, lebih daripada 420 juta hektar hutan telah hilang sejak tahun 1990 disebabkan oleh penebangan hutan dan degradasi penurunan yang mengejutkan dengan kesan-kesan global yang serius. Sementara itu, Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP), juga pada 2022, melaporkan terumbu karang, walaupun meliputi kurang daripada satu peratus dasar lautan, menyokong lebih daripada 25 peratus daripada semua spesies marin. Sangat membimbangkan, lebih daripada 50 peratus terumbu karang di seluruh dunia telah hilang atau mengalami kemusnahan teruk - bayangkan penyelaman di terumbu karang yang berkembang cepat sekali, hanya untuk mendapati batu karang yang tidak bernyawa dan tidak berkarat. Realiti ini memberi kesan kepada berjuta-juta orang di seluruh dunia.

Negara Brunei Darussalam (NBD) bernasib baik kerana mengekalkan tahap litupan hutan yang agak tinggi. Hutan yang meliputi 72.1 peratus daripada kawasan tanah negara ini adalah tempat tinggal spesies bunga dan fauna yang luar biasa, termasuk banyak

spesies endemik. Di samping itu, ekosistem marin negara dengan terumbu karang dan hidupan laut yang pelbagai, meningkatkan lagi kekayaan alam sekitar.

Ekosistem hutan dan terumbu karang adalah penting untuk mengekalkan kestabilan alam sekitar. Sementara terumbu karang memelihara pesisiran pantai, menyokong hidupan laut, dan mengekalkan perikanan, mengawal sistem air hutan, memelihara biodiversiti dan menyimpan karbon. Ekosistem ini berkait rapat; kesihatan persekitaran pantai dan marin kita sentiasa dipengaruhi oleh apa yang berlaku di pedalaman. Memulihara biodiversiti ini adalah penting untuk mengekalkan perkhidmatan ekosistem yang menyokong kesihatan sosial, ekonomi dan alam sekitar negara.

Menonjolkan tanggungjawab bersama dalam memulihara ekosistem hutan dan terumbu

Memulihara memerlukan tindakan bersepadu. Melindungi hutan dan terumbu karang kita bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, ia adalah misi bersama yang memerlukan setiap daripada kita untuk bertindak sekarang. Ia menyeru penglibatan semua orang termasuk masyarakat, individu, sektor swasta, ahli akademik dan pihak-pihak berkepentingan lain yang berkaitan. Hanya melalui tanggungjawab bersama dan kerjasama yang berterusan sahaja kita boleh memastikan bahawa ekosistem ini dilindungi dan terus menyokong kesejahteraan dan kualiti hidup kita pada masa hadapan.

Malah, Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) melaporkan pada 2019



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin ketika berucap pada Majlis Persidangan Hutan ke Terumbu Karang bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei MYCE) 2025 yang berlangsung pada Selasa, 17 Jun 2025 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

bahawa huraian berdasarkan alam semula jadi seperti pemuliharaan hutan, penghutan semula dan pemulihan ekosistem pantai boleh menyediakan sehingga 37 peratus daripada pengurangan pengeluaran asap yang menjimatkan kos yang diperlukan menjelang 2030 untuk memastikan pemanasan global di bawah 2°C. Ini menekankan peranan penting yang dimainkan oleh ekosistem yang sihat dalam menangani krisis iklim global.

>> Muka 3

WAKTU SEMBAHYANG										
JUN MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	RABU	28	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
26	KHAMIS	29	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
27	JUMAAT	1 Muharam	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
28	SABTU	2	4.37	4.47	6.11	6.36	12.25	3.51	6.36	7.51
29	AHAD	3	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
30	ISNIN	4	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
1 Julai	SELASA	5	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52

RAMALAN CUACA 3 HARI										
RABU			KHAMIS			JUMAAT				
Bandar Seri Begawan										
34	25	°C	33	24	°C	32	24	°C		
Pekan Bangar										
34	25	°C	33	24	°C	32	24	°C		
Pekan Tutong										
34	24	°C	33	24	°C	32	24	°C		
Kuala Belait										
33	25	°C	32	24	°C	32	24	°C		

Wallahuallam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajuca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

25 JUN 2025

Perubahan bermula dengan niat ikhlas

MASA berlalu begitu cepat, dalam beberapa hari sahaja lagi, kita akan memasuki Tahun Baharu 1447 Hijrah. Seperti tahun yang sebelumnya, perubahan tahun demi tahun ini akan sentiasa dikaitkan dengan penghirahan dan perubahan. Dalam hidup, setiap orang pasti pernah melakukan kesilapan dan dosa. Akan tetapi sebagai orang yang beriman, kita mesti berusaha untuk mengubah diri kita ke arah yang lebih baik.

Allah Subhanahu Wata'ala juga tidak akan mengubah keadaan hamba-Nya sehingga dia berusaha untuk mengubah dirinya. Oleh itu, sementara masih diberi peluang untuk hidup di dunia ini, segeralah kita berhijrah sebelum terlambat. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman : "Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sebelum mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri". (Ar-Ra'd : 11)

Jika awda ingin mengubah diri ke arah kebaikan, sudah tentu awda perlu mempunyai keazaman yang kuat. Segalanya boleh berlaku kerana kehendak. Jika tidak ada kemahuan maka semua akan tinggal angan-angan. Oleh itu, mulakan perubahan segera. Yakinkan diri bahawa awda boleh mengatasi semua halangan. Jangan berputus asa dan percayalah bahawa rahmat Allah kepada hamba-Nya itu sangat luas.

Perubahan yang awda inginkan haruslah bermula dengan niat yang baik dan ikhlas. Matlamatnya mestilah kerana Allah. Setiap yang dimulakan dengan niat ikhlas, insyaaAllah baik hasilnya. Sebaliknya, jika niat awda adalah kerana manusia, ia hanya bertahan sementara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Ingatlah bahawa di dalam jasad itu ada segumpal daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh tubuh. Jika rosak, maka rosaklah seluruh badan. Ketahuilah bahawa (segumpal daging) adalah hati". (Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Memperbanyakkan ibadah utama dan jangan biarkan urusan dunia melalaikan awda daripada mengingati Allah. Jika ibadat awda tunggang-langgang, kesannya awda tidak akan mendapat ketenangan hidup. Hidup rasa sukar dan rezeki susah untuk menyinggah. Beribadah dengan khusyuk ialah cara untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Untuk merealisasikan segala-galanya, sudah tentu usaha diperlukan. Awda ingin kaya maka awda perlu bekerja keras. Jika mahu tingkatkan iman, awda perlu mendalami ilmu agama. Jika awda ingin berhenti merokok contohnya, maka awda perlu mengelakkannya. Segalanya memerlukan usaha dan kekuatan.

Mesti ada tindakan, bukan sekadar cakap kosong dan angan-angan. Virus malas memang sukar diubati. Sebut sahaja perkataan negatif ini awda tidak akan mendapat apa-apa. Pemalas kawan baik syaitan. Malas juga akan membuang masa dengan sia-sia. Awda hanya akan mendapat kesenangan seketika, selepas itu awda menyesal. Oleh itu, jangan terbuai dengan kemalasan. Lawan kemalasan dan cuba menjadi orang yang bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Justeru, marilah kita sama-sama berubah ke arah kebaikan bermula daripada diri sendiri. Perubahan mesti bermula daripada awda. Tiada siapa akan mengubah. Awda yang menentukannya. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربيتكن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتري دان دجيتق اوله قرين قلس سنديرين برحد، نكرا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Majlis Doa Selamat, Kesyukuran Istiadat Bersiram

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Hernie Suliana Haji Othman, Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



>> Muka 1

Sejurus itu, Majlis Berdikir dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Seterusnya diikuti dengan persembahan Dikir Syarafil Anam, bacaan Rawi serta Dikir Marhaban

oleh Yang Dimuliakan Begawan-Begawan Pehin Khatib dan Begawan-Begawan Mudim. Sebaik bacaan sampai kepada perenggan 'Ya Habibi' dibacakan, 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Berangkat dan hadir ke majlis

berkenaan ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria; Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara; Yang Mulia Timbalan-timbalan Menteri; Pengiran-Pengiran Peranakan; Pehin-Pehin Manteri Berchiri; Manteri-manteri Bertauliah; Setiausaha-setiausaha Tetap; dan Timbalan-timbalan


Setiausaha Tetap. Sementara di Balai Singgahsana Indera Kenchana, Istana Nurul Iman, majlis turut dihadiri oleh para jemputan wanita.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Nabeelah Najmul Bolqiah merupakan puteri keempat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolqiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah yang selamat meluaran pada Rabu, 10 Syawal 1446 Hijrah bersamaan 9 April 2025 Masihi, pukul 6.54 pagi.



MAJLIS Doa Selamat dan Kesyukuran bagi Istiadat Bersiram Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolqiah sempena meluaran Yang Amat Mulia Pengiran Anak Nabeelah Najmul Bolqiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik disempurnakan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.



PERSEMBAHAN Dikir Syarafil Anam, bacaan Rawi serta Dikir Marhaban oleh Yang Dimuliakan Begawan-Begawan Pehin Khatib dan Begawan-Begawan Mudim. Sebaik bacaan sampai kepada perenggan 'Ya Habibi' dibacakan, 17 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Istana Nurul Iman (atas sekali kiri dan kiri). Manakala gambar atas, sebahagian daripada jemputan wanita yang hadir pada majlis berkenaan.

HALUAN

>> Muka 2

Pandangan daripada ekspedisi Brunei Darussalam baru-baru ini mengenai hutan ke terumbu karang

Sukacita saya menyatakan bahawa ekspedisi Brunei Darussalam mengenai hutan ke terumbu telah dijalankan baru-baru ini, meliputi tapak-tapak utama di Pulau Selirong dan Pelong Rocks. Ekspedisi ini menjana pandangan awal yang berharga mengenai biodiversiti, proses ekologi dan strategi yang berpotensi untuk perlindungan dan penggunaan lestari.

Bagi menggalakkan perbincangan berterusan mengenai pemuliharaan biodiversiti dan pengurusan lestari ekosistem yang berkaitan, serta untuk mengarahkan inisiatif penyelidikan dan pemuliharaan pada masa hadapan, beberapa penemuan ini akan dibentangkan semasa persidangan ini.

Meneruskan momentum daripada persidangan biodiversiti tahun lalu

Persidangan ini juga merupakan

kesinambungan Persidangan Brunei Darussalam pada tahun lepas mengenai 'Biodiversity : Nature's Blueprint for Sustainable' yang menumpukan kepada ekosistem hutan daratan. Persidangan itu meletakkan asas bagi penerokaan biodiversiti berasaskan tanah yang lebih mendalam.

Tahun ini, kita meluaskan tumpuan kita antara darat dan laut - menonjolkan kesalinghubungan hutan, bakau dan terumbu karang. InsyaaAllah, pada tahun hadapan, perjalanan kita akan menjangkau lebih jauh ke dalam terumbu karang itu sendiri - meneroka bagaimana ekosistem batu karang boleh dipelihara menghadapi perubahan iklim.

Menyelaraskan Tindakan Nasional dengan Rangka Kerja Biodiversiti Negara

NBD komited terhadap pemuliharaan biodiversiti melalui Dasar Biodiversiti Negara dan Pelan Tindakan Strategik (NBPSA) 2024-2030. Rangka kerja ini sejajar dengan Rangka Kerja Biodiversiti Global Kunming-Montreal, yang menetapkan sasaran yang bercita-cita tinggi, termasuk melindungi 30

peratus kawasan tanah dan marin dan memulihkan ekosistem yang menjelang 2030. Penyejajaran kita dengan inisiatif global ini mencerminkan dedikasi kita untuk melindungi biodiversiti untuk generasi akan datang.

Menyedari kepentingan biodiversiti di daratan dan lautan, NBPSA menggariskan strategi untuk pemuliharaan, penggunaan lestari dan keupayaan pembinaan. Ia menekankan pengurusan sumber yang berhemat, penglibatan masyarakat dan perkongsian faedah yang saksama, memastikan perlindungan biodiversiti kekal sebagai keutamaan negara. Pendekatan holistik ini menyepadukan daya tahan alam sekitar dengan kesejahteraan sosioekonomi, memperkukuh komitmen kita yang lebih luas di bawah Konvensyen Kepelbagaian Biologi.

Pelaksanaan pelan ini memerlukan pendekatan seluruh negara, melibatkan institusi-institusi kerajaan, ahli akademik, sektor swasta dan masyarakat setempat. Walaupun masih terdapat kemajuan dalam usaha ini, ia telah

menetapkan asas bagi kerjasama dan penyelarasan jangka panjang, membimbing usaha-usaha nasional dalam perlindungan ekosistem dan pembangunan yang mampan.

Menterjemahkan ilmu ke dalam tindakan untuk menyokong Wawasan Brunei

Persidangan hari ini menyediakan peluang untuk merapatkan penyelidikan, dasar dan amalan. Perbincangan bertema ini akan meneroka sinergi ekosistem, nilai karbon biru, inovasi dalam pemuliharaan, dan ekonomi biodiversiti. Perbincangan-perbincangan ini penting dalam membentuk dasar dan perkongsian yang berkesan.

Persidangan ini juga sejajar dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, terutamanya dalam menggalakkan persekitaran yang mampan, meningkatkan kualiti hidup, dan menyokong pembangunan ekonomi jangka panjang. Dengan memajukan penyelidikan saintifik, menggalakkan kerjasama dan mengukuhkan perancangan berasaskan ekosistem, persidangan ini menyumbang kepada wawasan

daya tahan dan kemampanan NBD yang lebih luas.

Saya menggalakkan semua peserta untuk melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan ini, bertukar-tukar pandangan, dan meneroka cara-cara untuk menyumbang ke arah memajukan usaha kolektif kita dalam pemuliharaan dan kemampanan ekosistem. Marilah kita bersama-sama, mengambil tindakan yang bermakna supaya generasi akan datang mewarisi hutan yang masih wujud dan terumbu karang yang masih berkembang maju, warisan kita mesti menjadi salah satu berdaya tahan, bukan penyesalan.

Tanpa berlengah-lengah lagi, dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* dan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta para sahabat Baginda, dengan sukacita saya merasmikan 'Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang'.

Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

RAPTAI PENUH PASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie dan Yang Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama hadir bagi menyaksikan raptai berkenaan (kiri dan bawah kiri).

Antara pengisian utama acara berkenaan ialah bacaan Doa Akhir Tahun Hijrah dan Doa Awal Tahun Hijrah.

Bagi memastikan kelancaran majlis sambutan berkenaan nanti, raptai penuh bagi Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 diadakan pagi tadi bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Hadir bagi menyaksikan raptai pagi tadi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul

Rahman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Salminan bin Haji Burut; Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan; Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Majlis dikendalikan bersama oleh KHEU, KHEDN dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Tema bagi majlis tahun ini ialah 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampai'.

peristiwa Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah Al-Munawwarah.

Pada tahun ini, Majlis Bacaan Doa Akhir Tahun dan Awal Tahun Hijrah 1447 Peringkat Negara akan diadakan pada Khamis, malam Jumaat, 1 Muharam 1447 Hijrah bersamaan 26 Jun 2025 Masihi di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai ibadat seluruh negara mulai jam 5.00 petang dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Kuala Belait; Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong; dan Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong.

ANTARA yang turut serta pada raptai Sambutan Ilal Hijrah 1447.



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KIARONG, Isnin, 23 Jun. - Masyarakat Islam di seluruh dunia akan menyambut ketibaan Awal Tahun 1447 Hijrah.

Di Negara Brunei Darussalam, yang majoriti penduduknya beragama Islam, seperti lazimnya

akan menyambut ketibaan awal tahun baharu hijrah secara besar-besaran bagi mengembangkan dan menyebarkan lagi syiar Islam di negara ini, di samping menyemarakkan Sambutan Ilal Hijrah 1447 bagi memperingati



Hari Terbuka JCHS teroka kemahiran profesional kesihatan

>> Muka 1

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan tetamu lain turut menambah pesanan mereka tersendiri, menandakan permulaan yang bermakna bagi sambutan hari terbuka tersebut.

Para delegasi kemudiannya dibawa melawat kemudahan latihan terkini kolej tersebut - termasuk 'Body Interact Lab', 'Simulation Ward', 'Delivery Simulation Ward', dan 'Operating Theatre' - memberikan gambaran langsung tentang pendekatan pendidikan kesihatan JCHS yang inovatif dan berorientasikan dunia sebenar.

Setiap lawatan tersebut menyerlahkan komitmen teguh kolej berkenaan terhadap pembelajaran berasaskan kemahiran yang menyediakan bakal profesional kesihatan dengan keyakinan dan kompetensi.

Sebagai institusi kejururawatan swasta terkemuka di Brunei, JCHS terus komited untuk memajukan profesion kejururawatan melalui pendidikan berkualiti tinggi dan kecemerlangan klinikal.

Hari terbuka berkenaan bukan sahaja bertujuan untuk menonjolkan program akademik yang kukuh dan sumber bertaraf dunia, malah juga untuk meningkatkan kesedaran tentang peranan penting jururawat dalam membentuk masa depan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

Lebih daripada sekadar pameran, acara tersebut antara lain berfungsi sebagai pintu masuk bagi bakal profesional kesihatan untuk meneroka kerjaya yang bermakna dalam bidang kejururawatan dan memahami impak kritikal yang boleh mereka berikan terhadap

kesejahteraan negara.

Untuk maklumat lanjut tentang program JCHS dan peluang pendaftaran yang akan datang, sila layari www.jchs.edu.bn atau hubungi Admissions Office menerusi talian +6738661734.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan selaku tetamu kehormat dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan selaku tetamu khas mendengar penerangan ketika lawatan di kolej berkenaan (atas). Manakala gambar bawah dan bawah kanan, antara kakitangan dan penuntut kolej tersebut yang terlibat pada Hari Terbuka berkenaan.



PELANCARAN SMART, GREEN CLASSROOM TINGKATKAN PEMBELAJARAN EFISIEN



>> Muka 1

Projek yang dilaksanakan ini bertujuan untuk menyediakan sebuah bilik darjah yang dilengkapi dengan teknologi pintar yang dijana melalui tenaga suria di setiap sekolah yang terpilih.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran Smart and Green Classroom tersebut disempurnakan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr.

Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berlangsung di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, di sini.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo dan Pengarah Urusan Huawei International Pte. Ltd. mewakili Syarikat Huawei Technologies (B) Sdn. Bhd., Frank Guo Hanxin.

MAJLIS Pelancaran Smart and Green Classroom yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna itu disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad antara lain menyatakan pelancaran Smart and Green Classroom berkenaan, merupakan satu detik signifikan, bukan sahaja bagi Kementerian Pendidikan, malah bagi komitmen Negara Brunei Darussalam ke arah menjadi sebuah negara pintar dan mampan.

Di setiap sekolah berkenaan jelasnya, satu bilik darjah pintar yang merangkumi satu sistem panel interaktif dan dijana melalui 40 panel solar, telah disediakan. Ia membuka ruang bagi sesi pengajaran dan pembelajaran secara interaktif yang berasaskan teknologi, serta mengurangkan kebergantungan sekolah kepada sumber tenaga konvensional.

"Melalui penggunaan teknologi-teknologi tersebut, satu ruang pembelajaran berinovasi telah diwujudkan, yang mendukung pembelajaran hibrid dan pedagogi digital serta pembangunan warganegara digital ataupun digital citizenship.

"Usaha ini adalah selaras dengan Pelan Transformasi Digital Kementerian Pendidikan, khususnya dalam memperkasa Teknologi Pendidikan di sekolah-sekolah, sejajar dengan pengajaran

UCAPAN alu-aluan disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan (atas kanan). Manakala gambar kiri, Yang Berhormat Menteri Pendidikan meninjau sebuah bilik darjah di sekolah berkenaan.

dan pembelajaran abad ke-21," tambahnya.

Pada masa yang sama, ujar Dr. Haji Azman, penyediaan panel solar tersebut juga adalah dijangkakan untuk menjana tenaga elektrik lebih daripada 22 ribu kilowatt-sejam, setahun. Dalam erti kata lain, ia adalah bersamaan dengan pengurangan lebih 10 tan pelepasan gas karbon dioksida setahun atau penanaman sebanyak 500 batang pokok.

Majlis turut menyaksikan demonstrasi berkaitan penggunaan teknologi pendidikan iaitu 'Solar Panel Dashboard' dan 'Remote Teaching and Learning'.

Inisiatif ini merupakan usaha Kementerian Pendidikan dalam mendukung pelaksanaan amalan hijau dan kelestarian, termasuk memupuk kesedaran serta kefahaman dalam kalangan pelajar mengenai kepentingannya.

Usaha ini adalah sejajar dengan Dasar Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), khususnya Strategi 4: Tenaga Boleh Diperbaharui, iaitu untuk meningkatkan jumlah bahagian tenaga diperbaharui kepada sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah kapasiti dalam

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



campuran penjana kuasa menjelang 2035 serta Strategi 10: Kesedaran dan Pendidikan, iaitu bagi meningkatkan kesedaran dan pendidikan yang berkaitan mitigasi serta adaptasi terhadap perubahan iklim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pengarah-pengarah serta pegawai-pegawai kanan dari kementerian-kementerian, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan.



Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

***Sasaran pemeriksaan:**
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

95 warga KKBS terima Pingat Kerja Lama



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian pingat kepada salah seorang penerima yang diraikan.

>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan Bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Guru Ugama, Pembantu Perkembangan

Ugama Tingkat II, Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan, Awang Haji Masfourteen bin Awang Haji Mohd. Yusof.

Majlis bertujuan untuk menzahirkan setinggi-tinggi

penghargaan atas jasa dan sumbangan bakti warga KKBS kepada raja, kerajaan serta dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Penyampaian pingat-pingat

tersebut diharap dapat menjadi dorongan dan pembakar semangat kepada warga kementerian yang lain untuk terus berusaha meningkatkan mutu kerja dengan lebih gigih dan

berdaya saing.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, pengarah-pengarah jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai serta kakitangan KKBS.

PENGURNIAAN PINGAT SUNTIK SEMANGAT, MOTIVASI WARGA KHEU

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Seramai 190 orang pegawai dan kakitangan dari jabatan-jabatan serta tenaga pengajar dari institusi-institusi pendidikan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menerima Pingat-pingat Kehormatan Negara Brunei Darussalam Pingat Kerja Lama (P.K.L) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 pada tahun 2024.

Majlis Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan P.K.L tersebut disempurnakan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Pengurniaan P.K.L berkenaan adalah sebagai pengiktirafan dan penghargaan dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia



MAJLIS Penyampaian Pengurniaan Pingat-pingat Kehormatan P.K.L tersebut disempurnakan oleh Yang Mulia Pemangku Menteri Hal Ehwal Ugama (kiri dan kanan).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pengurniaan pingat tersebut juga untuk mengenang jasa bakti yang telah dicurahkan oleh para penerima pingat sepanjang perkhidmatan mereka, di samping

menyuntik semangat dan motivasi kepada warga KHEU untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti kerja dengan lebih cemerlang.

Antara kriteria penerima-penerima P.K.L adalah, selain genap 20 tahun perkhidmatan,



penerima juga hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang baik; memiliki sifat-sifat dan keperibadian yang terpuji serta mempunyai penilaian prestasi yang dinilai sangat baik sepanjang tiga tahun kebelakangan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Shamshol

bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan di bawah KHEU.

Acaradikendalikan oleh Bahagian Dasar dan Strategik dengan kerjasama Jabatan Pentadbiran, KHEU.

Pupuk minat golongan belia dalam kerjaya kelestarian marin

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



KETUA Pegawai Eksekutif Poni Divers, Mohd. Tahsin Wong Abdullah dalam ucapan perasmiannya (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyempakan forum.

TUNGKU LINK, Selasa, 24 Jun. - Lebih 240 peserta terdiri daripada belia menghadiri Majlis Pembukaan Forum Belia 'Future Ocean Changemakers 2025' bertempat di Pusat Kesenian Pro Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Acara selama dua hari anjuran Ocean Week Brunei itu bertujuan untuk memberi inspirasi kepada golongan muda meneruskan kerjaya dalam kelestarian marin. Forum bertemakan 'Shaping Careers, Sustaining Oceans' direka untuk mendedahkan peserta kepada pelbagai peluang yang semakin meningkat dalam sektor lautan.

Hadir merasmikan forum tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim.



Forum turut dihadiri oleh lebih 140 peserta antarabangsa yang terdiri daripada pelajar universiti dari Negara Anggota ASEAN dan China, bersama hampir 100 belia tempatan dari pusat tingkatan enam tempatan dan institusi pengajian tinggi.

Dianjurkan dengan kerjasama UBD, forum turut menampilkan ucpatama, perbincangan panel, bengkel interaktif dan lawatan tapak ke institusi berfokuskan marin.

Ketua Pegawai Eksekutif Poni Divers, Mohd. Tahsin Wong Abdullah dalam ucapan perasmiannya, menggalakkan belia untuk meneroka bidang kelestarian lautan yang kritikal dan meluas, menonjolkan peranan Negara Brunei Darussalam (NBD) yang semakin meningkat dalam menyokong usaha marin

BRUNEI MYCE 2025

serantau.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Noralinda dalam ucapannya berkata bahawa KSSUP kekal komited terhadap Wawasan Brunei 2035, khususnya melalui inisiatif yang menyokong ekonomi biru, inovasi marin dan penjagaan alam sekitar.

NBD jelasnya, ialah sebuah negara maritim dengan garis pantai membentang lebih 160 kilometer dan lebih daripada 58 peratus wilayah negara terdiri daripada ruang lautan.

"Lautan adalah pusat kepada biodiversiti kita, ekonomi kita dan identiti kita. Melalui perikanan yang menyediakan mata pencarian kepada masyarakat pesisir pantai, kepada marin yang melindungi kawasan meliputi lebih 20 peratus perairan kita, NBD terus melabur ke arah tadbir urus lautan yang mampan," ujar beliau lagi.

"Di luar dasar dan projek, apa yang kita perlukan ialah orang. Orang seperti awda iaitu belia yang berpengetahuan, bersemangat dan bersedia untuk bertindak. Forum ini membuka peluang untuk membuka mata terhadap biologi marin, undang-undang alam sekitar, teknologi lautan atau ekopelancongan, sesi dan lawatan tapak selama dua hari seterusnya direka untuk membuka mata awda ke arah perkara yang mungkin



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir pada Majlis Pembukaan Forum Belia 'Future Ocean Changemakers 2025' (atas), manakala gambar bawah, sebahagian pelajar yang hadir mendengarkan forum.

terjadi," tambah beliau lagi.

Ocean Week Brunei dianjurkan oleh Poni Divers dengan sokongan

KSSUP dan sempena Persidangan dan Pameran Brunei Tengah Tahun (Brunei MYCE).



Kongsi maklumat, kesan jenayah perdagangan orang

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, yang juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-piasau, merangkap Pemangku Penghulu Mukim Zon 1, Daerah Temburong hadir pada taklimat jerayawara mengenai Jenayah Perdagangan Orang (kanan dan kanan sekali).

TEMBURONG, Isnin, 23 Jun. - Dalam usaha mempertingkatkan kesedaran dan inisiatif membanteras jenayah perdagangan orang di Negara Brunei Darussalam (NBD), Unit Siasatan Perdagangan Manusia (USPM) dari Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memberikan taklimat jerayawara mengenai Jenayah Perdagangan Orang (Trafficking in Persons) kepada 40 orang yang terdiri daripada Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan Jabatan Daerah Temburong yang diketuai



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, yang juga Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, merangkap Pemangku Penghulu Mukim Zon 1, Daerah Temburong.

Objektif utama taklimat berkenaan adalah bertujuan untuk memberikan pengetahuan yang lebih mendalam dan memahami secara lebih

terperinci tentang mengenal pasti elemen-elemen dan indikasi mangsa yang berpotensi terlibat dalam jenayah perdagangan orang di NBD.

Antaraperkarayangdibentangkan dalam taklimat berkenaan adalah maklumat yang telah dikongsikan iaitu fungsi dan peranan USPM, perkongsian case study bagi kes-kes perdagangan orang



yang telah berjaya dihadapkan ke muka pengadilan yang memenuhi semua indikasi unsur-unsur perdagangan orang yang telah disiasat oleh USPM semenjak tertubuhnya unit ini pada 16 Ogos 2011. Taklimat telah disampaikan oleh anggota-anggota dari USPM.

Kesedaran mengenai jenayah perdagangan orang amat penting dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Melalui penyampaian

maklumat dan kefahaman yang jelas kepada pemimpin akar umbi serta agensi-agensi berkaitan, usaha membanteras jenayah berkenaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

PPDB menghargai kerjasama berterusan daripada komuniti dalam menyalurkan maklumat serta menyokong inisiatif pencegahan, demi memastikan NBD kekal bebas daripada ancaman jenayah perdagangan orang.

8 KETUA KAMPUNG TERIMA SIJIL LANTIKAN



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua-ketua Kampung Daerah Belait.

BELAIT, Isnin, 23 Jun. - Peranan ketua-ketua kampung telah berubah dengan jelas iaitu selari dengan perubahan Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah dikuatkuasakan bermula 1 April 2015.

Secara ringkasnya tujuan utama Skim Perkhidmatan ini ialah bagi mempertingkat, memperkukuh dan memantapkan lagi kewibawaan, mutu atau kualiti kepimpinan serta keberkesanan institusi penghulu mukim dan ketua kampung sebagai teras kepimpinan akar umbi.

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amrol Hafidzin bin Haji Muhammad selaku tetamu kehormat berucap demikian semasa Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ketua-ketua Kampung Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Intisar, Jabatan Daerah Belait, hari ini.

Menurut Awang Haji Amrol Hafidzin, dengan keselamatan kampung berbanding sasaran yang ditetapkan berasaskan performance-based.

"Dalam pada itu juga, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah melancarkan Rangka Kerja Kompetensi Sumber Manusia bagi Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung (Human Resource Competency Framework atau HRCF PMKK) pada 22 Mac 2025 yang bertujuan memastikan setiap penghulu mukim dan ketua kampung mempunyai kemahiran dan kebolehan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab selaku pemimpin akar umbi yang berperanan sebagai mata, telinga dan lidah kepada kerajaan dan peranan mereka kepada penduduk kampung dalam menjaga, memeduli serta mengawasi kepentingan, kesejahteraan, kebajikan dan keselamatan kampung.

"Selain itu, HRCF berkenaan

PEMANGKU Pegawai Daerah Belait semasa bergambar ramai dan seterusnya hadir pada perasmian papan tanda ketua kampung di kediaman masing-masing (kanan dan atas kanan).

akan dapat mengenal pasti jurang kompetensi setiap penghulu mukim dan ketua kampung bagi mengenal pasti program pengukuhan kapasiti yang diperlukan," jelasnya.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil lantikan kepada seramai lapan ketua kampung oleh tetamu kehormat iaitu Ketua Kampung Pandan 'F', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung Pandan 'A', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung Pandan 'B', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung Mumong 'C', Mukim Kuala Belait; Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga Kawasan 'A', Mukim Seria; Ketua Kampung Perumahan Negara Panaga Kawasan 'C', Mukim Seria; Ketua Kampung Perumahan Negara Lorong Tengah Seria Kawasan 1, Mukim Seria dan Ketua Kampung Lumut II, Mukim Liang.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin.

Kemudian majlis diteruskan dengan penyampaian sijil, bacaan dan penandatanganan ikrar yang diikuti dengan ucapan daripada Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Khairon bin Haji Dahlan

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait




selaku wakil ketua-ketua kampung yang dilantik. Majlis diakhiri dengan perasmian papan tanda ketua kampung di kediaman masing-masing.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara daripada kalangan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji

Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat dan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann selaku Ketua Kampung Bukit Sawat, pegawai-pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta Ketua-ketua Rumah Panjang Daerah Belait.





(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MENYEMBAHYANGKAN jenazah adalah antara perkara yang wajib dilaksanakan oleh orang yang hidup apabila seseorang yang beragama Islam meninggal dunia. Hukum menyembahyangkan jenazah ialah fardhu kifayah. Fardhu kifayah adalah suatu tuntutan syara' yang wajib dilaksanakan oleh sebahagian daripada orang-orang mukallaf. Jika tidak ada seorang pun yang melaksanakan tuntutan fardhu kifayah tersebut, maka mereka semua akan berdosa. Jika ia dilaksanakan oleh sebahagian mereka atau seorang daripada mereka yang cukup untuk merealisasikan suatu maslahat masyarakat, maka gugur tuntutan tersebut daripada sebahagian lain yang tidak melaksanakannya. Dengan itu, mereka yang tidak melaksanakannya itu tidak berdosa.

Khusus dalam perkara menyembahyangkan jenazah, tuntutan fardhu kifayah menyembahyangkan jenazah tersebut gugur apabila ia dikerjakan oleh seorang lelaki sekalipun oleh kanak-kanak lelaki yang mumayyiz (kanak-kanak yang tahu membezakan antara perkara baik dan buruk) dan sekalipun pada ketika itu terdapat lelaki dewasa di tempat menyembahyangkan jenazah tersebut. Manakala jika sembahyang ke atas jenazah itu dikerjakan oleh perempuan, maka itu tidak memadai untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah tersebut sekiranya terdapat lelaki dewasa atau kanak-kanak lelaki yang mumayyiz di tempat menyembahyangkan jenazah itu kerana keahlian lelaki dalam melaksanakan ibadah adalah lebih sempurna dan tuntutan fardhu kifayah adalah ke atas lelaki tersebut disebabkan keberadaannya di tempat jenazah disembahyangkan. Berlainan halnya jika di tempat menyembahyangkan jenazah itu tidak terdapat lelaki dewasa dan tidak juga terdapat kanak-kanak lelaki yang mumayyiz, maka wajib ke atas perempuan tersebut menyembahyangkan jenazah dan gugur tuntutan fardhu kifayah itu.

Meskipun tuntutan fardhu kifayah menyembahyangkan jenazah boleh gugur apabila ia dikerjakan oleh seorang sahaja, namun menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*, sunnahnya adalah mengerjakan sembahyang jenazah itu secara berjemaah. Perkara ini berdasarkan beberapa hadits Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam antaranya hadits daripada 'Abdullah bin 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, beliau mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Tidak ada seorang lelaki yang beragama Islam meninggal dunia lalu didirikan (dikerjakan sembahyang) ke atas jenazahnya (untuk didoakan dalam sembahyang itu) oleh empat puluh orang lelaki (yang) tidak menyekutukan Allah (dengan) sesuatu pun melainkan Allah

Bagaimana Membentuk Saf Sembahyang Jenazah Jika Bilangan Jemaah Sedikit?

menerima doa mereka pada (hak)nya (jenazah).

(Hadits riwayat Muslim)

Berdasarkan hadits di atas, dapat difahami bahawa sembahyang jenazah secara berjemaah itu memberi manfaat kepada si mati. Persoalannya, bagaimanakah cara susunan saf yang dianjurkan oleh syara' dalam sembahyang jenazah yang dikerjakan secara berjemaah terutama apabila bilangan jemaah sedikit? Persoalan ini yang akan diuraikan dalam perbincangan ini.

Menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*, disunatkan untuk menjadikan saf sembahyang jenazah itu tiga saf (barisan) sebagaimana katanya:

Ertinya: Dan disunatkan saf-saf mereka (yang mengerjakan sembahyang jenazah itu) tiga (saf) dan lebih berdasarkan hadits Malik bin Hubairah.

Hadits Malik bin Hubairah Radhiallahu 'anhu yang dimaksudkan dalam perkataan Imam an-Nawawi *Rahimahullah* di atas ialah hadits yang diriwayatkan oleh seorang tabi'in yang bernama Martsad bin 'Abdullah al-Yazani *Rahimahullah*, beliau berkata:

Maksudnya: Malik bin Hubairah (Radhiallahu 'anhu) apabila dia hendak menyembahyangkan jenazah dan dia melihat (bilangan) orang (yang mengerjakan sembahyang) ke atasnya sedikit, dia membahagikan mereka (menjadi) tiga bahagian (saf), kemudian berkata: "Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah bersabda: Sesiapa disembahyangkan oleh tiga saf, maka (Allah) mewajibkan (baginya) keampunan".

(Hadits riwayat at-Tirmidzi)

Kadar 'sedikit' pada bilangan orang yang mengerjakan sembahyang jenazah dalam hadits di atas untuk membentuk tiga saf ialah enam orang. Ini bererti pembentukan tiga saf itu hanya disunatkan apabila bilangan orang yang mengerjakan sembahyang jenazah itu sekurang-kurangnya enam orang. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* berkata:

Ertinya: (Dan disunatkan) ketika (bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu) enam (orang) dan ke atas untuk menjadikan saf-saf mereka tiga (saf) dan lebih.

Sebaliknya jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu kurang daripada enam orang, maka mereka tidak dituntut untuk membentuk tiga saf sebagaimana dijelaskan oleh Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam kitab *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj*:

Ertinya: Mafhumnya, bahawasanya yang kurang (daripada) enam (orang yang menyembahyangkan jenazah) tidak dituntut daripadanya yang demikian itu (tiga saf).

Adapun jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu enam orang atau lebih, maka setiap saf daripada tiga saf atau lebih yang sunat dibentuk itu hendaklah diisi oleh sekurang-kurangnya dua orang. Namun, khusus jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu tepat enam orang termasuk imam, maka salah seorang daripada makmum berdiri di sebelah kanan imam untuk menjadikan saf imam tersebut terisi oleh sekurang-kurangnya dua orang di samping dua saf lagi dibentuk oleh empat orang dengan setiap saf masing-masing diisi oleh dua orang. Tuntutan susunan saf ini berdasarkan kata Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj*:

Ertinya: Dan jika tidak hadir (orang yang hendak menyembahyangkan jenazah) melainkan enam (orang sahaja) termasuk imam, (maka) seorang berdiri bersamanya (imam), dan dua orang (berdiri dalam) satu saf dan dua orang (lagi dalam) satu saf.

Mengenai perkataan Imam Ibn Hajar *Rahimahullah* "seorang berdiri bersamanya (imam)" di atas, Imam asy-Syarwani *Rahimahullah* dalam kitab *Hawasyi Tuhfah*

al-Muhtaj ada menjelaskan sebab mengapa salah seorang daripada jemaah yang enam orang itu berdiri bersama imam. Menurut beliau, sebab salah seorang daripada jemaah yang enam orang itu berdiri bersama imam adalah kerana sekurang-kurang bilangan orang dalam saf ialah dua orang sebagaimana katanya:

Ertinya: Kata-kata (Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*) "seorang berdiri bersamanya (imam)" isunya (adalah) bahawa sekurang-kurang (bilangan orang dalam) saf (adalah) dua (orang), dan jika tidak (begitu), nescaya lima (orang) itu diaturnya untuk membentuk dua saf dan imam satu saf.

Perihal makmum berdiri satu saf dengan imam (مأمل مع الإمام) dalam keadaan sepertimana disebut di atas hukumnya adalah tidak makruh sebagaimana kata Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Habib 'ala Syarh al-Khathi*:

Ertinya: Dan sekurang-kurang tiga (saf dalam sembahyang jenazah yang terdiri) daripada enam orang, (tatacara susunannya ialah) seorang (berdiri) bersama imam dan dua (orang berdiri dalam satu saf), kemudian dua (orang lagi berdiri dalam satu saf seterusnya). Dan tidak dihukumkan makruh bersama imam (berdiri dalam satu saf) ketika itu.

Adapun jika tiga saf sudah dibentuk dan setiap saf itu telah diisi oleh dua orang lalu dibentuk lagi saf keempat, maka perbuatan membentuk saf keempat itu tidak dihukumkan makruh sekalipun saf sebelumnya belum penuh dan masih luas. Hal ini sebagaimana penjelasan asy-Syaikh al-Burhan 'Ali al-Halabi *Rahimahullah* yang dinukil oleh Imam al-Bujairimi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Hasyiyah al-Bujairimi 'ala Syarh Manhaj ath-Thullab*, beliau berkata:

Ertinya: Dan zahir perkataan mereka bahawa sesungguhnya memadai dalam pembentukan saf itu keberadaan dua (orang) dalam setiap saf. Maka pembentukan saf keempat tidak makruh walaupun belum sempurna saf-saf (yang tiga di hadapan), meskipun dalam setiap saf (yang tiga itu sudah ada) dua orang serta (masih) luas.

Fadilat Saf Dalam Sembahyang Jenazah

Dari segi fadilat, ketiga-tiga saf sembahyang jenazah yang sunat dibentuk itu adalah sama sahaja, tidak ada bezanya antara saf pertama, kedua dan ketiga. Persamaan dari segi fadilat ini adalah supaya tidak berlaku orang mendahulukan saf pertama sahaja dan tidak menyukai saf kedua dan ketiga sehingga mereka meninggalkan perbuatan membentuk tiga saf yang akhirnya menyebabkan si mati terluput daripada mendapat fadilat hasil membentuk tiga saf tersebut. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitab *al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah* berkata:

Ertinya: Bahawasanya saf-saf jenazah yang tiga yang disunatkan (adalah) sama dalam fadilat agar tidak (ada) orang yang

tidak menyukai (saf) selain (saf) pertama, (akibatnya) fadilat orang-orang yang mengerjakan sembahyang jenazah dengan tiga saf terluput ke atas si mati.

Dalam kitab *Tuhfah al-Muhtaj* pula, beliau menyatakan:

Ertinya: Kerana kami sesungguhnya menyamakan (fadilat) antara tiga saf itu agar mereka tidak meninggalkannya (tiga saf) dengan mereka semua mendahulukan saf pertama.

Ketetapan mengenai persamaan fadilat tiga saf terawal dalam sembahyang jenazah sebagaimana disebut di atas adalah bagi orang yang datang terlebih dahulu sebelum saf sembahyang jenazah dibentuk. Manakala bagi orang yang baru datang untuk menyertai sembahyang jenazah dan ketika itu sudah dibentuk tiga saf, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* sebaiknya dia mendapatkan saf pertama.

Berlainan halnya dengan saf-saf sembahyang jenazah selepas saf ketiga kerana keutamaan saf-saf selepas saf ketiga itu berbeza antara satu dengan yang lain. Jika saf-saf sembahyang jenazah itu jumlahnya lima atau lebih, maka saf keempat adalah afdhal daripada saf kelima manakala saf kelima pula adalah afdhal daripada saf setelahnya.

Jemaah Sembahyang Jenazah Yang Kurang Daripada Enam Orang

Jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu kurang daripada enam orang, maka tidak dituntut untuk membentuk tiga saf. Menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah* ketika mensyarah kitab *Nihayah al-Muhtaj*, jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu lima orang termasuk imam, maka sebaiknya berdiri setiap dua orang dalam setiap saf di belakang imam. Manakala jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu empat orang termasuk imam, tiga orang tersebut berdiri di belakang imam, dan jika dikatakan berdiri seorang di sebelah imam dan dua orang lagi berdiri dalam satu saf, pendapat itu tidaklah jauh kerana ia hampir kepada tiga saf yang dituntut oleh syara'. Jika bilangan orang yang menyembahyangkan jenazah itu tiga orang pula termasuk imam, sebaiknya seorang berdiri di belakang imam dan seorang lagi berdiri di belakang orang yang berdiri di belakang imam, dan mungkin juga berdiri kedua-duanya di belakang imam iaitu imam berdiri dalam satu saf dan dua orang lagi berdiri dalam satu saf kerana sekurang-kurang bilangan orang dalam saf itu ialah dua orang. Maka dalam keadaan ini, gugur tuntutan membentuk saf ketiga kerana adanya kesukaran.

Demikian penjelasan mengenai tatacara membentuk saf sembahyang jenazah secara berjemaah yang dianjurkan oleh syara', terutama apabila bilangan orang yang hendak menyembahyangkan jenazah kurang daripada enam orang termasuk imam.

KETETAPAN mengenai persamaan fadilat tiga saf terawal dalam sembahyang jenazah sebagaimana disebut di atas adalah bagi orang yang datang terlebih dahulu sebelum saf sembahyang jenazah dibentuk. Manakala bagi orang yang baru datang untuk menyertai sembahyang jenazah dan ketika itu sudah dibentuk tiga saf, maka menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* sebaiknya dia mendapatkan saf pertama.

Berlainan halnya dengan saf-saf sembahyang jenazah selepas saf ketiga kerana keutamaan saf-saf selepas saf ketiga itu berbeza antara satu dengan yang lain. Jika saf-saf sembahyang jenazah itu jumlahnya lima atau lebih, maka saf keempat adalah afdhal daripada saf kelima manakala saf kelima pula adalah afdhal daripada saf setelahnya.

AI : MENYOKONG PERKHIDMATAN AWAM LEBIH CEKAP

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Seiring dengan peningkatan dan kepentingan Kecerdasan Buatan (AI) yang berterusan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melihat AI bukan sahaja sebagai pemudah cara tetapi juga sebagai pemangkin baharu untuk inovasi dan pembangunan menyokong Perkhidmatan Awam yang lebih cekap, meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan dan pendidikan, memacu inovasi serta memperkukuh daya tahan ekonomi.

Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim seterusnya menjelaskan, dengan adanya peluang-peluang ini, wujudnya tanggungjawab dasar baharu.

"Bagi negara kecil yang saling terhubung seperti kita, adalah

penting untuk mewujudkan asas yang betul membina sistem yang selamat, beretika dan inklusif," ujarnya semasa menyampaikan ucapama pada Seminar Pendekatan dan Pertukaran Polisi mengenai Kecerdasan Buatan berlangsung di Sutera Ballroom, Hotel J, petang tadi.

Menurutnya lagi, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa Persidangan Masa Depan Digital 2025 : 'Kepercayaan dan inovasi perlu berjalan seiring untuk membentuk masa depan digital yang mampan'.

Beliau seterusnya menjelaskan, teras kepada kepercayaan ini adalah pelancaran Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika AI Brunei, yang dihasilkan oleh Pihak Berkuasa Industri Teknologi

Info-Komunikasi NBD (AITI), yang menetapkan prinsip-prinsip nasional bagi penggunaan AI yang bertanggungjawab dengan penekanan kepada ketelusan, pengawasan manusia, pengurusan risiko dan kesesuaian dengan prinsip kita.

Tambahnya, garis panduan ini dibincangkan dalam seminar tersebut yang mewakili komitmen mereka terhadap inovasi yang bertanggungjawab dan menyediakan asas bagi entiti kerajaan dan sektor swasta untuk mengharungi landskap AI yang sedang berkembang dengan yakin dan selamat.

Sebagai pelengkap usaha ini tambahannya, NBD juga sedang dalam proses menyediakan Strategi Data dan AI sebagai sebahagian daripada inisiatif yang lebih besar - pelan hala tuju nasional yang menentukan pendekatan jangka panjang terhadap AI.

"Sebagai sokongan kepada komitmen kita yang lebih luas terhadap inovasi, kementerian juga telah menandatangani perjanjian dengan Pusat Kajian Strategik dan Dasar (CSPS) untuk membangunkan Rangka Kerja

Kebangsaan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

"Seminar seperti hari ini menyumbang kepada inovasi di mana ia menjana pandangan dasar, menampilkan amalan terbaik antarabangsa, dan mengukuhkan kesesuaian dengan keutamaan nasional kita," ujarnya.

Jelasnya lagi, NBD dan Kesatuan Eropah berkongsi persoalan yang membimbangkan dalam dasar AI: memfokuskan kepada bidang seperti etika, privasi data, keselamatan siber dan penyertaan digital.

Beliau seterusnya menjelaskan, perkembangan terbaharu Majlis Ekonomi Digital kepada Majlis Brunei Digital mencerminkan komitmen menyeluruh NBD kepada masyarakat yang diperkasa secara digital.

Katanya lagi, kita bergerak maju di pelbagai bidang, termasuk Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025, program literasi digital dan alat Pemeriksaan Fakta seperti Waspada.bn di samping menggubal Akta Keselamatan Siber 2023, yang mewujudkan rangka kerja undang-undang yang membolehkan tindakan



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi berucap pada Seminar Pendekatan dan Pertukaran Polisi mengenai Kecerdasan Buatan.

pencegahan, pengurusan, dan tindak balas terhadap ancaman dan insiden keselamatan siber untuk memperkukuh daya tahan dan akauntabiliti Brunei di sektor awam dan swasta.

"Usaha-usaha ini penting untuk memupuk ekosistem digital yang dipercayai, inklusif, dan kukuh di mana inovasi berasaskan nilai-nilai NBD dan tanggungjawab global," ujarnya.

Beliau menambah, AI mencabar kita untuk memikirkan semula cara kita mentadbir, mengawal selia dan bekerjasama.

SEBAGAI pelengkap usaha ini tambahannya, NBD juga sedang dalam proses menyediakan Strategi Data dan AI sebagai sebahagian daripada inisiatif yang lebih besar - pelan hala tuju nasional yang menentukan pendekatan jangka panjang terhadap AI.

Seminar ketengahkan tadbir urus AI, etika, inovasi

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Dalam era Kecerdasan Buatan (AI) yang semakin mempengaruhi industri, tadbir urus dan masyarakat, the European Union (EU) – Negara Brunei Darussalam (NBD) Partnership Facility menganjurkan Seminar Pendekatan dan Pertukaran Polisi mengenai AI berlangsung di Sutera Ballroom, Hotel J, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan ucapama pada seminar tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Sementara itu, Green and Digital Counsellor, EU Delegation to Indonesia and NBD, Dr. Sander Happaerts dalam ucapamannya menjelaskan, terdapat pelbagai persoalan dan ia semakin meningkat khususnya mengenai maklumat palsu dan isu keselamatan dalam talian.

"Dalam masa yang sama jelasnya, kita masih bergantung kepada penyedia bukan EU berkaitan teknologi utama seperti Cloud, AI serta semikonduktor dan kita tahu daripada pengalaman beberapa tahun kebelakangan ini bahawa kebergantungan ekonomi dan teknologi boleh digunakan sebagai senjata," ujarnya lagi.

Beliau seterusnya mengongsikan, tiga objektif utama bagi strategi digital antarabangsa yang baharu iaitu pertama, untuk memperkukuh keupayaan Eropah dalam teknologi utama; kedua, menyokong peralihan digital dan keselamatan teknologi



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Seminar Pendekatan dan Pertukaran Polisi mengenai AI berlangsung di Sutera Ballroom, Hotel J (atas kiri), manakala gambar atas kanan dan bawah kanan, antara yang menyampaikan ucapan pada seminar berkenaan.

serta rakan kongsi antarabangsa secara aktif dan ketiga, mempromosikan pendekatan berasaskan nilai terhadap tadbir urus digital.

Seminar ini menampilkan dua sesi panel iaitu Panel Pertama : Rangka Kerja Polisi untuk AI – Mengimbangi Inovasi, Kepercayaan dan Peraturan yang disampaikan oleh wakil dari Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Smart Nation Office di MTIC serta Tyne Solutions yang membincangkan bagaimana rangka kerja kebangsaan boleh diselaraskan dengan norma antarabangsa tanpa menjejaskan perkembangan dan inovasi.

Ia juga menampilkan pembentangan secara maya dari Bertelsmann Stiftung mengenai Akta Kecerdasan Buatan EU, iaitu peraturan komprehensif

pertama di dunia berkaitan AI.

Manakala Panel Kedua : AI untuk Kebaikan – Mempercepat Perkembangan Digital yang Mampan dan Inklusif dari syarikat perisian SAP Asia Pasifik dan Jepun, Poni Group dan syarikat telekomunikasi utama DST yang membincangkan bagaimana AI digunakan dalam pelbagai industri untuk menyokong Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan membantu komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan.

Di samping itu, seminar tersebut turut menampilkan dua pembentangan yang menawarkan perspektif tempatan mengenai tadbir urus dan inovasi AI di NBD iaitu wakil AITI membentangkan mengenai Garis Panduan Tadbir Urus dan Etika AI negara, yang



menggariskan usaha kebangsaan untuk mempromosikan amalan AI yang bertanggungjawab dan telus.

Ini diikuti dengan kajian kes dari Universiti Brunei Darussalam mengenai penggunaan sistem saringan kesihatan berasaskan AI, yang menunjukkan bagaimana teknologi baharu digunakan untuk memperbaiki penyampaian penjagaan kesihatan di negara ini.

Seminar tersebut diadakan dalam usaha EU dan NBD untuk memanfaatkan AI bagi memacu inovasi, menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan menyokong matlamat pembangunan nasional serta global.

Dalam masa yang sama, kedua-dua pihak mengakui keperluan penting untuk menangani cabaran bersama

seperti penggunaan AI secara beretika, privasi data, keselamatan siber dan keterangkuman digital.

Seminar ini menghimpunkan pembuat dasar, pemimpin industri, ahli akademik dan masyarakat sivil untuk berkongsi pandangan, amalan terbaik dan rangka kerja polisi.



ROMBONGAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MANUSKRIP ISLAM ADAKAN LAWATAN



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ROMBONGAN peserta dan pembentang di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 melawat beberapa tempat menarik di negara ini antaranya Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) (kiri dan kanan).

BRUNEI MYCE 2025

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Rombongan lebih daripada 70 orang terdiri daripada peserta dan pembentang di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 hari ini berpeluang untuk melawat beberapa tempat menarik di negara ini.

Para peserta telah melawat ke beberapa tempat untuk mempelajari sedikit sebanyak tentang budaya dan sejarah Negara Brunei Darussalam (NBD) dan menyaksikan sendiri keindahan dan suasana kehidupan di negara ini.

Antara tumpuan bagi destinasi lawatan ialah Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Taman Mahkota Jubli Emas, Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Pusat Sejarah Brunei, Galeri Kebudayaan dan Pelancongan Kampong Ayer, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Eksplorasi Kampong Ayer dan Lawatan Boat Ride Kampong Ayer.

Dr. Najeeb Mohammad Moheeb Aldarb, salah seorang peserta

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 yang berasal dari Yaman ketika ditemui sangat gembira dan kagum dengan sambutan dan layanan sepanjang persidangan dijalankan.

"Alhamdulillah semuanya berjalan dengan baik dan persidangan berjalan dengan sangat teratur dan layanan pun begitu baik sekali," ujarnya.

Menurut beliau, persidangan ini adalah satu platform yang sangat bagus di mana ia menyatukan kesemua cendekiawan dan pakar mengenai manuskrip dari seluruh negara untuk berkumpul dan bersatu. NBD adalah sebuah negara yang aman dan sangat bersih, cuacanya pun sangat bagus dan tidak terlalu panas.

Sementara itu, pada sebelah petang pula, peserta Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 diutuskan untuk melawat ke Galeri Pameran di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Para peserta diberikan penerangan oleh Pegawai Pameran, Haji Abdul Hazim bin Haji Saman dan kakitangan BKISHHB sepanjang lawatan dari Galeri 1 hingga Galeri 9.

Antara koleksi yang disimpan di BKISHHB adalah koleksi mushaf Al-Quran, tongkat, tasbeih, fosil, alat

astronomi Islam, replika pedang dan sebagainya.

Selain itu, BKISHHB juga menyimpan lebih daripada 1,000 buah naskhah manuskrip Islam termasuk naskhah Al-Quran tulisan tangan dan naskhah-naskhah manuskrip dalam bahasa Arab, Parsi dan Melayu hasil penulisan para cendekiawan Islam dalam pelbagai bidang.

Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam yang bertemakan 'Manuskrip Islam : Jambatan Antara Masa Lalu Dan Masa Depan' ini diadakan dari 21 hingga 24 Jun 2025 dan dianjurkan oleh BKISHHB

dengan kerjasama Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB). Ia juga diadakan bersempena dengan Persidangan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2025 (Brunei MYCE 2025).

Antara objektif Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam ini diadakan ialah untuk

DR. Najeeb Mohammad Moheeb Aldarb, salah seorang peserta Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam 2025 yang berasal dari Yaman ketika ditemu bual.

memperkenalkan dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan manuskrip Islam sebagai jambatan yang menghubungkan warisan

intelektual dan budaya dari masa lalu dengan masa hadapan umat Islam.

IHP menurun 0.5 peratus bagi Mei 2025

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Mei 2025 bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan Mei

2024, didorong oleh penurunan sebanyak 0.8 peratus bagi indeks makanan dan minuman ringan; dan sebanyak 0.4 peratus bagi indeks bukan makanan.

Penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah

terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga daging (2.9 peratus), khususnya harga ayam; dan harga ikan dan makanan laut (1.8 peratus), terutamanya harga ikan dan udang segar.

Sementara itu, penurunan bagi indeks bukan makanan adalah didorong oleh penurunan harga kenderaan bermotor dan tiket penerbangan; dan kos perkhidmatan langganan penstriman media dalam talian disebabkan oleh perbezaan pertukaran mata wang asing.


Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Mei 2025 menurun sebanyak 0.1 peratus daripada April 2025. Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 0.3 peratus bagi indeks makanan dan minuman ringan; dan sebanyak 0.1 peratus bagi indeks bukan makanan.

Penurunan bagi indeks makanan dan minuman ringan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga sayur-sayuran (2.8 peratus); dan ikan dan makanan laut (1.3 peratus).

Manakala penurunan bagi indeks bukan makanan adalah terutamanya didorong oleh pengangkutan (0.8 peratus); dan rekreasi dan kebudayaan (0.5 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan secara bulanan.

Senarai barangan dan perkhidmatan serta kewajaran dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata isi rumah yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga 2015 / 2016. Laporan penuh IHP bagi bulan Mei 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



PARA peserta melawat ke beberapa tempat untuk mempelajari sedikit sebanyak tentang budaya dan sejarah Negara Brunei Darussalam dan menyaksikan sendiri keindahan dan suasana kehidupan di negara ini (atas dan bawah).



LAWATAN MEMAHAMI LANDSKAP PENDIDIKAN DI NBD



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Menengah Yayasan Sultan Haji
Selasa, 24 Jun. - Sekolah Hassanal Bolkiah (SM YSHHB)



hari ini telah menerima lawatan daripada rombongan Kementerian Pendidikan, Republik Singapura.

Rombongan berkenaan terdiri daripada Pengetua Sekolah Menengah Dunman, Toh Thiam Chye; Pengetua Sekolah Menengah Ngee Ann, Poh Shi Hui; Pengetua Sekolah Victoria, Low Chun Meng; Penolong Pengarah Talent Development, Safirah binti Misti dan Pengurus Talent Development, Toh Wei Kit.

Ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad yang juga selaku Timbalan Pengarah Urusan dan Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin.

Agenda lawatan kali ini antara lain menumpukan kepada



SEKOLAH Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) menerima lawatan daripada rombongan Kementerian Pendidikan, Republik Singapura (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

perbincangan antara pemimpin sekolah, wakil guru dan delegasi Kementerian Pendidikan, Republik Singapura selain daripada perkongsian pengalaman pendidikan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Singapura.

Kedua-dua pihak juga berkongsi mengenai amalan terbaik dalam bidang kurikulum, kokurikulum / ekstra kurikulum dan kesejahteraan pelajar dan seterusnya rombongan dibawa untuk membuat lawatan ringkas ke kawasan sekolah seperti bilik darjah atau kemudahan menarik yang menyokong pembelajaran para pelajar.

Adapun objektif lawatan antaranya untuk memahami

landskap pendidikan sekolah menengah di NBD, contohnya pengalaman pendidikan yang ditawarkan kepada pelajar dari aspek akademik dan bukan akademik.

Lawatan itu juga diharap akan dapat berkongsi mengenai amalan terbaik mengenai bagaimana sekolah menengah di NBD dan Singapura menyokong aspek kurikulum, kokurikulum / ekstra kurikulum dan kesejahteraan pelajar di sekolah.

Selain itu, lawatan sedemikian akan mampu meneroka potensi kerjasama antara sekolah yang boleh mewujudkan pengalaman pembelajaran yang berharga untuk pelajar dari kedua-dua negara.

Memperkukuh hubungan dua hala, kerjasama serantau bidang pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Pendidikan Swasta telah menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Kementerian Pendidikan, Republik Singapura sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk memperkukuh hubungan dua hala dan kerjasama

serantau dalam bidang pendidikan antara kedua-dua buah negara.

Delegasi seramai lima orang berkenaan diketuai oleh Assistant Director, Talent Development, Student Placement and Services Division, Ministry of Education, Republic of Singapore, Dayang Safirah binti Misti; bersama tiga pemimpin sekolah berkenaan,

iaitu Pengetua Dunman Secondary School, Toh Thiam Chye; Pengetua Ngee Ann Secondary School, Poh Shi Hui; Pengetua Victoria School, Low Chun Meng dan seorang pegawai dari kementerian, iaitu Manager, Talent Development, Toh Wei Kit.

Dalam tempoh lawatan rasmi selama dua hari berkenaan, delegasi berkesempatan mengunjungi beberapa institusi pendidikan swasta di NBD.

Pada hari pertama, lawatan diadakan ke Sekolah Menengah Chung Hwa Bandar Seri Begawan, Sekolah St. Andrew's dan Sekolah St. George's, manakala pada hari kedua pula, rombongan akan meneruskan lawatan ke Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sekolah-sekolah berkenaan merupakan antara institusi pendidikan swasta yang dipilih untuk lawatan berkenaan, yang menawarkan pendidikan daripada peringkat tadika hingga menengah, dengan penekanan terhadap



DELEGASI Kementerian Pendidikan, Republik Singapura mengadakan lawatan ke beberapa institusi pendidikan swasta di Negara Brunei Darussalam antaranya Sekolah St. Andrew's dan Sekolah St. George's (kiri dan atas).

kecermerlangan akademik serta pendekatan holistik dalam pembangunan pelajar.

Semasa lawatan berkenaan, para delegasi berpeluang meninjau kemudahan pembelajaran, menyaksikan sesi pengajaran dan pembelajaran secara langsung, serta mengadakan perbincangan bersama pihak sekolah termasuk pemimpin sekolah, guru kanan dan guru-guru. Antara perkara yang dibincangkan termasuklah pendekatan inovatif dalam pedagogi dan integrasi teknologi dalam bilik darjah.

Lawatan berkenaan memberikan peluang yang signifikan untuk

perkongsian amalan terbaik, di samping mengukuhkan potensi pelaksanaan program kerjasama seperti bengkel pendidikan Science, Technology, Engineering, Arts, and Mathematics (STEAM); forum profesional pendidikan serta inisiatif bagi pertukaran pelajar dan guru antara kedua-dua buah negara.

Selain itu, ia juga mencerminkan hubungan dua hala yang erat dan saling menghormati antara NBD dan Republik Singapura, serta komitmen bersama dalam usaha memperkukuh mutu pendidikan dan pembangunan modal insan di rantau ini.

YEAB ADAKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Usahawan Muda Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Persatuan Usahawan Muda Brunei (YEAB) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) baru-baru ini dengan menghimpunkan ahli-ahli dan calon-calon untuk menilai pencapaian persatuan serta memilih Jawatankuasa Eksekutif baharu.

AGM ini menjadi detik untuk menilai semula aktiviti, program dan pencapaian Jawatankuasa Eksekutif 2023 - 2025 yang kini menghampiri penghujung penggal dua tahunnya.

Daripada laporan kewangan hingga inti pati projek, mesyuarat ini meraikan kemajuan yang telah dicapai sambil menggalakkan perbincangan dan maklum balas daripada ahli untuk membentuk hala tuju masa depan YEAB.

AGM ini turut diserikan dengan semangat komuniti dan kerjasama yang kukuh, di mana para ahli berkongsi idea melalui pembentangan, perbualan yang

bermakna serta hidangan yang disumbangkan oleh rangkaian ahli. AGM diserikan perkongsian idea melalui pembentangan, perbincangan yang bermakna, serta jamuan yang disumbangkan oleh komuniti rangkaian.

Salah satu perkara utama pada hari tersebut ialah kejayaan pemilihan Jawatankuasa Eksekutif baharu YEAB bagi penggal 2025 - 2027, yang akan memulakan tugas mereka secara rasmi pada 1 Julai 2025.

Ahli-ahlinya ialah Presiden, Goh Chai Li; Naib-naib Presiden, Aiminorhiza@Aimi Ramlee dan Muhammad Amirul Fahmiin bin Abdullah; Setiausaha Undang-Undang, Hajah Dayang Azimah binti Haji Mohammad Hambali; Setiausaha, Nurul Nadiatul Hidayah binti Haji Safirudin; Bendahari, See Nen San@See Xiang Ron dan ahli-ahli jawatankuasa iaitu Lydia Abdul Latif; Derick Leong Kuan Xiang dan Md. Imamull Qhaeer bin Md. Syamsol.



PERSATUAN Usahawan Muda Brunei (YEAB) mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dengan menghimpunkan ahli-ahli dan calon-calon untuk menilai pencapaian persatuan serta memilih Jawatankuasa Eksekutif baharu.

Dalam menuju ke hadapan, YEAB kekal komited untuk memperkasakan belia melalui keusahawanan serta membina sebuah komuniti yang dinamik dalam menyokong pembangunan sosioekonomi negara.

Keahlian YEAB dibuka sepanjang tahun kepada usahawan muda

sama ada yang sedang bermula atau yang sudah aktif yang mencari komuniti, bimbingan dan peluang.

Untuk maklumat terkini dan peluang, ikuti @yeabrunei di

Facebook, Instagram dan LinkedIn atau layari yeabrunei.com. Bagi pertanyaan media atau kerjasama, sila hubungi melalui yeabrunei@gmail.com atau WhatsApp ke +673 8321288.

JIS adakan pementasan muzikal Disney's Frozen Jr.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) telah mementaskan tiga persembahan muzikal Disney's Frozen Jr. yang berlangsung di JIS Arts Centre pada 22 Jun 2025 hingga hari ini (23 Jun).

Adaptasi muzikal selama 60 minit berkenaan berdasarkan produksi Broadway 2018 yang terkenal, dengan menghidupkan watak-watak kesayangan seperti Elsa, Anna dan Kerajaan Arendelle.

Persembahan yang mendapat sambutan ramai itu menampilkan

semua lagu yang tidak dapat dilupakan daripada filem animasi, dengan muzik dan lirik oleh Kristen Anderson-Lopez dan Robert Lopez, bersama-sama dengan lima lagu tambahan yang ditulis khusus untuk produksi Broadway.

Produksi berkenaan melibatkan lebih daripada 150 pelajar sekolah rendah dari Tahun 3 hingga Tahun 6 yang membuat persembahan pentas. Pelajar dan kakitangan tambahan turut bekerja keras di belakang tabir dalam pembinaan set dan lukisan, pembuatan *prop*,

ADAPTASI muzikal selama 60 minit berkenaan berdasarkan produksi Broadway 2018 yang terkenal, dengan menghidupkan watak-watak kesayangan seperti Elsa, Anna dan Kerajaan Arendelle (kiri dan bawah kiri).

rekaan kostum, koreografi, operasi teknikal serta dandanan rambut dan solekan.

Persembahan pada hari ini turut disertakan dengan Bahasa Isyarat Amerika (American Sign Language - ASL), menjadikan persembahan berkenaan lebih inklusif untuk komuniti pekak dan kurang pendengaran. Inisiatif berkenaan mencerminkan dedikasi sekolah untuk memastikan semua orang dapat menikmati seni dalam persekitaran yang mesra.

"Ia merupakan satu pengalaman yang sangat menggembirakan untuk menghidupkan Frozen Jr. bersama sekumpulan pelajar dan staf yang berbakat serta berdedikasi. Sejak latihan pertama lagi, semangat mereka begitu luar biasa. Saya amat berbangga dengan apa yang telah kami capai bersama dan berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam merealisasikan produksi yang penuh keajaiban ini," ujar Pengarah Produksi, Jonathan Lim.

"Setiap tahun, Muzikal Junior kami sentiasa menetapkan penanda aras baharu dan Frozen Jr. tidak terkecuali. Tenaga dan kegembiraan yang dibawa oleh para pelajar ke atas pentas sangat mengagumkan. Produksi ini adalah contoh terbaik apa yang boleh dicapai melalui kerja keras, harapan tinggi dan cinta terhadap seni. Tahniah kepada semua yang terlibat, saya sudah pun menantikan muzikal tahun hadapan," Ketua






BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn




ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Sekolah Rendah, Paul Bannister.

Persembahan muzikal Frozen Jr. ini turut mendapat sokongan daripada Ezy Printing, NBT (Brunei) Sdn. Bhd. dan Standard Chartered Brunei.

Persembahan berkenaan dibentangkan melalui perjanjian khas dengan Music Theatre International (MTI), yang turut membekalkan semua bahan persembahan yang sah.

TINGKATKAN KEFAHAMAN, KEMAHIRAN PENYAMPAIAN MESEJ ISLAM



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Program Akademi Da'wah 5.0 anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie di bawah naungan Program Keagamaan Belia, baru-baru ini melaksanakan sesi ke-2 program dengan mengangkat tema 'Berdakwah dengan Ilmu dan

PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman semasa menyampaikan ceramahnya.

Iman, Berakhlak Mulia Jadi Da'ie Tauladan'.

Sesi kali ini menampilkan perkongsian bermanfaat oleh Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, yang membawa tajuk 'Bicara Hadis Arba' in : Ad Deenun Nasihah'.

Program berkenaan disertai oleh 34 peserta yang terdiri daripada belia dan ahli jawatankuasa serta beberapa pegawai yang bersemangat untuk meningkatkan kefahaman serta kemahiran dalam penyampaian mesej Islam.

Fokus utama sesi berkenaan adalah untuk memperkukuh kefahaman peserta terhadap asas hadis 'agama adalah nasihat' serta menerapkannya ke dalam komunikasi dakwah dengan pendekatan yang lebih mantap dan berkesan.

Akademi Da'wah berkenaan merupakan platform bimbingan berstruktur bagi membentuk da'ie muda yang kompeten serta mampu berperanan dalam masyarakat dengan nilai-nilai ilmu, iman dan akhlak.

Program berkenaan dijangka berterusan sehingga beberapa sesi berikutnya dengan pelbagai pengisian bermanfaat.

ANTARA yang menyertai Program Akademi Da'wah 5.0 anjuran Badan Sukarelawan Belia Da'ie (kiri dan kanan).



TAHUKAH AWDA?



CARA MUDAH UNTUK MEMILIKI SOLAR

Ingin beralih kepada tenaga solar? Langkah pertama yang **mudah** dan **berpatutan** ialah dengan menerokai alternatif lampu solar untuk rumah awda. Produk ini kini tersedia secara meluas di dalam negara, termasuk:

LAMPU BANJIR SOLAR

LAMPU TAMAN SOLAR

LAMPU TIANG SOLAR

LAMPU KECEMASAN MUDAH ALIH SOLAR

TAHUKAH AWDA?

Sel solar menukar cahaya matahari kepada tenaga elektrik pada waktu siang, yang disimpan di dalam bateri untuk menerangi kawasan luar rumah awda pada waktu malam!

www.energy.gov.bn
renewable.energy@energy.gov.bn
673 2384488 ext 3271



منوجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAHAN ALLAH كلولان قوسه دعوه اسلاميه

SEMBAHYANG merupakan Rukun Islam yang kedua selepas mengucap dua kalimah syahadah. Ini menunjukkan betapa tingginya kedudukan ibadah sembahyang itu. Hadis Riwayat Imam At-Tirmidzi dalam kitab jami'nya meriwayatkan daripada Mu'az bin Jabal Radiallahuanhu, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Asas agama itu ialah (melafazkan dua kalimah syahadah yang mengesahkan) Islam, tiangnya ialah sembahyang dan kemuncaknya pula ialah berjihad (pada jalan Allah)". Dalam hadis ini, sembahyang diumpamakan sebagai tiang agama bagi memvisualisasikan kepentingan sembahyang dalam meneguhkan iman seseorang itu. Sepertimana bangunan akan roboh tanpa adanya tiang, begitu juga dengan iman seseorang Muslim. Ia akan roboh jika seseorang itu meninggalkan sembahyang.

Kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa ingat tentang pengorbanan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam peristiwa luar biasa Israk Mikraj di mana Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan umat Islam untuk menunaikan sembahyang sebanyak 50 kali sehari. Namun, setelah Nabi berulang kali memohon keringanan bagi umatnya, jumlah tersebut akhirnya dikurangkan kepada lima waktu sehari dengan ganjaran yang tetap bersamaan dengan 50 kali sembahyang. Perintah sembahyang

Sembahyang tiang agama

lima waktu ini sangat dipegang erat oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan Baginda sangat menitikberatkan kepada umat Baginda supaya tidak meninggalkan sembahyang lima waktu kerana ia adalah tiang agama Islam dan kunci diterima segala amalan di dunia.

Sembahyang juga satu-satunya ibadah yang tidak pernah gugur kewajibannya bagi setiap orang yang beragama Islam, mahupun seseorang itu sedang sakit atau dalam medan peperangan sekalipun. Allah Subhanahu Wata'ala pernah berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 239 yang terjemahannya : "Maka jika kamu takut (kepada sesuatu bahaya seperti musuh atau binatang buas) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan (dengan menghadap kiblat atau tidak). Kemudian apabila kamu telah aman (daripada ketakutan itu) maka hendaklah kamu mengingati Allah (dengan sembahyang yang lebih sempurna) sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kau tidak mengetahuinya". Ayat ini jelas menunjukkan betapa pentingnya sembahyang itu sehinggalah Allah Subhanahu Wata'ala memberikan bermacam-macam cara agar sembahyang itu tetap dilaksanakan dalam apa-apa jua keadaan kecuali bagi yang belum baligh, tidak berakal dan wanita yang sedang haid atau nifas.

Selain itu, sembahyang juga dianggap sebagai kunci kejayaan dalam hidup. Allah Subhanahu Wata'ala berjanji bahawa siapa yang menjaga sembahyangnya, maka dia akan berjaya di dunia dan akhirat. Sembahyang bukan sekadar amalan

kerohanian tetapi juga bermanfaat untuk kesihatan fizikal dan mental, terutamanya jika dilakukan dengan khusyuk. Ia mencegah perbuatan keji dan mendisiplinkan diri dalam pengurusan masa, menjadikannya kunci kejayaan hidup. Individu yang mengutamakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala akan memperoleh rahmat dan hidayah-Nya serta kejayaan di dunia dan akhirat. Oleh itu, sembahyang perlu dilatih sejak kecil lagi oleh ibu bapa. Kita sebagai umat Islam perlulah sama-sama berusaha dalam membangun generasi yang tidak meremehkan sembahyang.

Memandangkan betapa besarnya tanggungjawab kita dalam melaksanakan sembahyang, sudah tentu ganjarannya juga amat besar. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan lima perkara kepada hamba-Nya yang memelihara sembahyang mereka iaitu Allah akan memberkati rezekinya di dunia, terlepas dari seksaan kubur, melangkah ke syurga tanpa hisab, meniti titian sirat dengan pantas seperti kilat dan menerima buku amalan dengan tangan kanan di padang Mahsyar nanti. Mereka juga termasuk dalam golongan orang yang akan menguni syurga Firdaus iaitu syurga yang paling tinggi kedudukannya. Sungguh ruginya kita jika tidak merebut peluang ini selama kita masih hidup.

Sebaliknya, balasan bagi mereka yang meninggalkan sembahyang juga amat berat. Allah Subhanahu Wata'ala akan mencabut keberkatan usia mereka, amal ibadahnya tidak mendapat pahala, doanya tidak diangkat, mati dalam keadaan hina, kuburnya akan disempitkan dan banyak lagi balasan

di dunia mahupun di akhirat nanti. Allah Subhanahu Wata'ala juga telah menyamakan mereka yang meninggalkan sembahyang dengan orang yang melakukan syirik seperti yang difirmankan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 31 terjemahannya : "Hendaklah kamu kembali (bertaubat) kepada-Nya dan bertakwalah kepada-Nya serta dirikanlah sembahyang dan janganlah sekali-kali kamu termasuk dalam golongan orang musyrik". Jelaslah di sini bahawa perbuatan meninggalkan sembahyang itu dianggap sangat keji dan hina di sisi Allah Subhanahu Wata'ala.

Walau bagaimanapun, rahmat Allah Subhanahu Wata'ala lebih besar daripada kemurkaan-Nya. Pintu rahmat-Nya akan sentiasa terbuka bagi mereka yang ingin bertaubat walau dosa hambanya seluas lautan. Oleh itu, janganlah kita berputus asa dalam meraih keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala. Kuatkanlah azam untuk sentiasa istiqamah dalam mendirikan sembahyang lima waktu. InsyaaAllah sedikit demi sedikit ibadah tersebut akan menjadi kebiasaan dan sukar untuk meninggalkannya.

Mudah-mudahan kita sebagai umat Islam dapat mengutamakan sembahyang daripada perkara-perkara lain kerana itulah tiang agama dan kunci kejayaan dalam hidup. Meskipun ia terasa berat tetapi dengan berkat usaha dan ikhtiar, ia akan terasa mudah dan berbaloi pada hujungnya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 45 terjemahannya : "Dan mintalah pertolongan (kepada Allah atas segala urusan kamu) dengan kesabaran dan mendirikan sembahyang. Dan sesungguhnya sembahyang itu sangat berat (mendirikannya) melainkan bagi orang-orang yang khusyuk".



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:

II (II & III) sahaja

Kategori:

KA01 Sahaja – Kod Baharu

Bilangan Tawaran:

JKR / DDS 019 / 2025 – (CDE).T.II

Nama Projek:

Menaiktaraf Sistem Saliran Di Spg
665, Kg Lumapas

Yuran Tawaran:

BND30.00

(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:

BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Selasa,
8 Julai 2025

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
22 Julai 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:

07 / JMM / S / 12 / 91 (2025 /
2026) – R

Tajuk Tawaran:

Pembelian Tiga (3) Buah Jenis
Kenderaan Rasmi Jabatan (BG)
Bagi Jabatan Muzium-Muzium,
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan

Tarikh Tutup :

Selasa, 8 Julai 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas: V

Kategori: M01

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran Pada :
8 Julai 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:

22 Julai 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:

JKR / DME / BOP-ACM / 22 / 2025

Nama Projek:

Kerja-Kerja Penggantian Peralatan
Hawa Dingin Di Bangunan Pusat
Latihan Kesenian dan Pertukangan
Tangan, Bandar Seri Begawan

Yuran Tawaran:

BND100.00 (Tidak dikembalikan)



**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bil Bilangan Tawaran:

1. JBS / ADM / TDR / 06 / 2025

Keterangan:

Request For Proposal (RFP) To
Finance, Design, Build, Manage,
Operate And Maintain A Sports
Complex In Kampung Lambak
Kanan, Brunei Darussalam

Bil Bilangan Tawaran:

2. JBS / ADM / TDR / 07 / 2025

Keterangan:

Request For Proposal (RFP) To
Finance, Design, Build, Manage,
Operate And Maintain A Sports
Complex In Kampung Terunjing,
Brunei Darussalam

Yuran Tawaran: -

Tarikh Tutup:

Selasa, 26 Ogos 2025



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas : II & III Sahaja

Kategori: KA01

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran Pada:
8 Julai, 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup :

22 Julai 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :

JKR / DBSKB / 017 / 2025

Nama Projek:

Menaiktaraf Sistem Saliran Di
Jalan Laksamana, Kuala Belait.

No. Projek:

2025ADKB/2106/002-003-006

Yuran Tawaran:

BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: -



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

1.Bilangan Sebut Harga:

KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 04 /
2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:

Provision Of Supply, Removal, And
Installation Of Ceiling-Mounted
Hall Lighting And Other Related
Electrical Works At The Ministry
Of Primary Resources
And Tourism Building.

Tarikh Tutup Sebut Harga:

3 Julai 2025 ,Khamis
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:

BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :

Open

Kategori :

KPB11A & KPB11B Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :
Selasa, 8 Julai 2025

Yuran Tawaran:

BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:

-

Bilangan Tawaran:

JKR / DTS / 13 / STE / 2025-T / III

Nama Projek:

Kerja-Kerja Membaik Pulih Struktur
Bangunan Sekolah Rendah
SIAMAS

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa, 22 Julai 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Tawaran :

Technical Maintenance Of
Protection Relays For 66KV
Networks Statewide Over A
Period Of Three Years

Bil. Tawaran:

JPE / LTK / PDP / 001 / 2025

Tarikh Tutup:

22 Julai 2025
2.00 Petang

Tempat Tutup :

Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam



Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :

V & VI

Kategori :

B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :
Selasa, 8 Julai 2025

Yuran Tawaran:

BND500.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:

-

Bilangan Tawaran:

JKR / DTS / 14 / CQS / 2025-T / V

Nama Projek:

Menaiktaraf dan Penambahan
Bangunan Sekolah Rendah
Sengkuring

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa, 22 Julai 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk Tawaran:

Provision of Manpower for:
Discipline Maintenance Specialist
for The Department For
Electrical Services

Bilangan Tawaran:

JPE / LTK / MMD / 048 / 2025

Tarikh Tutup:

22 Julai 2025 (Selasa)

**Harga Tawaran
(Tidak dikembalikan)**

BND500.00 (Tidak dikembalikan)





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
I & III

Kategori :
B01. KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
8 Julai 2025

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 16 / CQS /
2025-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Masalah
Endapan Tanah Di Sekolah
Rendah Penapar Daerah Tutong

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
22 Julai 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
I & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa, 8 Julai 2025

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 15 / BKTGS /
2025-T / II

Nama Projek:
Kontrak Penggal Selama 24 Bulan
Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih
Tanah Susur Dan Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Cerun Bagi
Tanah Susur Dan Kerja-Kerja
Penyelenggaraan Cerun Bagi
Tahun 2025-2027

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 22 Julai 2025,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada Pemborong-
pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
-

Kategori:
Open To C & S Consultants
Or Environment Consultants
Registered With Ministry Of
Development

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DDS / 16 / 2025

Nama Projek:
Request For Quotation (RFQ)
– Perkhidmatan Perundingan
Kejuruteraan Awam dan Struktur
Bagi Saliran Keluar Kedua Sungai
Tutong Fasa 1

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 22 Julai 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 26 Ogos 2025,
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang



Terunjing, Daerah Brunei Muara

System

6. JPt / SH / 27 / 2025 - 2026
Membekalkan Dan Menghantar
Barang-Barang Am Bagi
Keperluan Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan

7. JPt / SH / 28 / 2025 - 2026
Membekalkan Dan Menghantar
Barang-Barang Alat Tulis Bagi
Keperluan Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan

8. JPt / SH / 29 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Meroboh Bangunan
Berek Mulaut Di Bawah
Kawalan Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan, Daerah Brunei dan
Muara

9. JPt / SH / 30 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am Di
Bangunan-Bangunan KKP Rimba,
KKP Mulaut, Makmal Patologi,
Berek Lampaki, Unit Kemajuan
Pertanian Daerah Tutong
Serta Kerja Meroboh Di Pusat
Penyelidikan Pertanian Brunei,
Di Bawah Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan, Negara Brunei
Darussalam

10. JPt / SH / 31 / 2025 - 2026
Troubleshoot And Repair Of
Gerhardt Automated Distillation

11. JPt / SH / 32 / 2025 - 2026
Supply And Deliver Calibration
Standards And Internal Standards
For Chemical And Drug
Residue Laboratory

12. JPt / SH / 33 / 2025 - 2026
To Provide Outsourced Removal,
Transportation And Treatment Of
Laboratory Waste At Veterinary
Laboratory Services For A Period
Of One (1) Year

Tarikh Tutup :
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada hari Khamis, 24 Julai 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
11 / JUN / 2025 / KKBS / PJK /
16.22

Tajuk Sebut Harga:
General Building Term
Maintenance For A Period Of
Twenty-Four (24) Months For
1) Pusat Pembangunan Belia; &
2) Outward Bound Brunei
Darussalam Main Office

Tarikh Tutup :
Khamis,
10 Julai 2025



**Bahagian Khidmat Bakti Negara
[BKBN]
Kementerian Kebudayaan,
Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam**

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
20 / MEI / KKBS / BKBN / 1.40 / 25

Tajuk Sebut Harga:
Pembekalan Tilam (Single
Mattress) Bagi Kem Latihan,
Program Khidmat Bakti Negara,
Kg Batu Apoi, Daerah Temburong.

Tarikh Tutup :
Khamis, 3 Julai 2025



BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 153 / 2025 / SSBH (TC)

Keterangan:
The Management And Operation
Of Café / Canteen Concession For
Learning And Health Development
Center (LHDC) Of Suri Seri
Begawan (SSB) Hospital For A
Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 154 / 2025 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
Three (3) Years Term Contract For
Building Maintenance And Civil
Works To MOH Complex Building
And DSS (Serasa Branch)

**Kelayakan Pemborong /
Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian
Kesihatan dan Kementerian
Pembangunan

Kelas/Kategori:
Kelas: II dan III
Kategori: B01 dan KA01

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
1 Julai 2025
Tidak Lewat 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
KK / 147 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Two
(2) Ophthalmic Ultrasound System
For Eye Department, Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
Hospital

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 148 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Medical
Consumables For Radiology
Department, Raja Isteri Pengiran
Anak Saleha (RIPAS) Hospital For
A Period Of One (1) Year

Yuran Tawaran:
BND 30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 149 / 2025 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Of Linen For
Dobi And Linen Unit At Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha (RIPAS)
Hospital

Yuran Tawaran:
BND 10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 152 / 2025 / SSBH

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Patient
Trolley For Suri Seri Begawan
(SSB) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:



1. JPt / SH / 22 / 2025 - 2026
Membekal Racun Rumpai
Glyphosate Isopropylammonium
41% Sebanyak 984 Botol @ 4 Liter
/ Botol Bagi Kegunaan Pengusaha-
Pengusaha Padi

2. JPt / SH / 23 / 2025 - 2026
Penyewaan Tempat Perkhidmatan
Mesin Layan Diri (Vending
Machines) Di Bangunan-
Bangunan Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan Selama Tiga (03)
Tahun

3. JPt / SH / 24 / 2025 - 2026
Kerja-Kerja Pemasangan Zebra
Blind Dan Karpit Di Pejabat-
Pejabat Pertanian
dan Agrimakanan

4. JPt / SH / 25 / 2025 - 2026
Pembinaan Saliran Baharu Di KKP
Lekiun, Daerah Temburong

5. JPt / SH / 26 / 2025 - 2026
Membersih Saliran Konkrit Di KKP


**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Bilangan Sebut Harga :
(54) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Perkhidmatan Penghantaran
Akhbar Pelita Brunei Dari
Cawangan Penerangan Daerah
Secara Kontrak Selama
Tujuh (7) Bulan.

Yuran :
Dikenakan Bayaran BND 5.00

Tarikh Tutup :
Khamis, 26 Jun 2025
Jam 8.00 Pagi.



1. Bilangan Sebut Harga :
(55) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
(Servicing) Bagi Toyota Land
Cruiser Prado – BG 8972,
Jabatan Penerangan.

2. Bilangan Sebut Harga :
(60) INFO / PK / K / 7
(2025 - 2026)

Tajuk Sebut Harga :
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
(Air-Conditioner) Bagi Toyota Land
Cruiser Prado – BG 8972,
Jabatan Penerangan.

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Khamis, 26 Jun 2025
Jam 8.00 Pagi


**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Tawaran:
JPH / 2109 / TAW / 397 /
2025-2026
Provision Of Crocodile Capturing,
Relocating And Disposal Services
For Brunei Darussalam

Isnin – Khamis
8.30 Pagi – 11.30 Pagi
1.30 Petang – 2.30 Petang

Sabtu
8.30 Pagi – 10.00 Pagi

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Julai 2025



**Pemberitahuan Invitation For
Expression Of Interest (EOI)**

Nombor Rujukan
JPH / SH / EOI / 2550 /
2025 - 2026

Tajuk
Invitation For Expression Of
Interest (EOI) Bagi Projek Invest In
Establishment Of Crocodile Rescue
Estate In Brunei Darussalam

Tarikh Buka Tawaran Pada:
Isnin, 26 Mei 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Pada:**
Isnin, 30 Jun 2025

Tarikh Tutup Pada
Khamis,
31 Julai 2025


**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JPI / 03 / 2025

Tajuk:
To Supply And Delivery One
(1) Unit SUV Motor Vehicle To
Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
22 Julai 2025
Jam 2.00 Petang


**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

1. Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 23 /
BPPK / 11

Tajuk Sebut Harga :
Two (2) Years Term Contract To
Supply And Delivery Cleaning
Products And Equipment For
Seksyen Keindahan Dan
Kebersihan, Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

2. Bilangan Rujukan :
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 06 /
BPPK / 02

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract
To Supply And Delivery Garden
Tools And Personal Protective
Equipment For Seksyen Keindahan
Dan Kebersihan, Jabatan
Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 26 Jun 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperolehi Dari:**
Bahagian Pemuliharaan
dan Kenderaan
Jabatan Bandaran Bandar Seri
Begawan, Di Tingkat 2,
Bangunan Pejabat Unit Khidmat
Bantu dan Pemeliharaan,
Simpang 594, Jalan Subok,
Bandar Seri Begawan.



Tajuk Tawaran :
Provision Of Consultancy Services
To Support Solar Development In
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 8 Julai 2025.
2.00 Petang.

Maklumat lanjut mengenai Skop
Tawaran, Kriteria Kelayakan dan
Yuran boleh didapati melalui laman
sesawang rasmi Jabatan: [https://
www.energy.gov.bn](https://www.energy.gov.bn)

Tarikh tutup tawaran adalah pada
Selasa, 8 Julai 2025, 2.00 Petang.

Tatacara Pendaftaran
Para penender yang berminat
hendaklah mendaftar dengan
menghantar e-mel kepada Unit
Tenaga Yang Boleh Diperbaharui,
di bawah Bahagian Peralihan
Tenaga, Jabatan Tenaga iaitu
[renewable.energy@energy.gov.
bn](mailto:renewable.energy@energy.gov.bn) dengan tajuk e-mel: **Provision
Of Consultancy Services To
Support Solar Development In
Brunei Darussalam**


**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga
Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 27 / 25 - 26
Mereka Bentuk Dan Mencetak
Kalendar Meja RTB 2026

Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):
BND5.00
(tidak dikembalikan)

Salinan Kertas
(Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
9 Julai 2025,
jam 2.00 petang


**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga :
KSSUP / S / JKSH / BTI / 01 /
2025-2026

Tajuk Sebut Harga :
The Supply And Delivery Of Secure
Socket Layer (SSL) Certificates For
The Ministry Of Primary Resources
And Tourism's Websites

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
3 Julai 2024,
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



1. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUTM /
2025 - 2026

Perkhidmatan Pengurusan dan
Pembersihan Bangunan (House-
keeping) Bagi Sekolah Ugama
Tanjong Maya, Kawasan Tutong.

2. Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / PPPB / SUS /
2025 - 2026

Perkhidmatan Pengurusan dan
Pembersihan Bangunan (House-
keeping) Bagi Sekolah Ugama
Sengkarai, Kawasan Tutong.

Tempoh 24 Bulan Di Bawah
Kawalan Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Tahun 1446H-1447H /
2025M – 2026M

Tarikh Tutup :
Rabu, 6 Muharam 1447H /
2 Julai 2025M
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





1. Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 05 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Pemeliharaan Landskap Bagi Keseluruhan Kawasan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
10 Julai 2025, Khamis
Jam 2.00 Petang

Tarikh Taklimat:
30 Jun 2025, Isnin
Jam 9.00 Pagi

2. Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 06 / 2025 - 2026

Tajuk Sebut Harga:
Pest Control Services For 12 Months At Ministry Of Primary Resources And Tourism Building.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
10 Julai 2025, Khamis
Jam 2.00 Petang

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian



Bilangan Tawaran:
(09-2025) JAPM / 2.3 / 4 / 03

Tajuk Tawaran:
Pembekalan Barangan Keperluan Asasi Bagi Keperluan Bencana Daerah Brunei-Muara Dan Temburong Untuk Tempoh 18 Bulan

Tarikh Tutup :
Selasa, 1 Julai 2025



**Jabatan Perhutanan
Kementerian Sumber-Sumber
Utama Dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**

Tajuk Sebut Harga:
JPH / 003 / SH / 2551 / 2025 - 2026

Membekal Temuai Untuk
Kegunaan Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Sebut Harga:
17 Julai 2025
2.00 Petang
(Khamis)



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
1 / JUN / 2025 / PSB / PD.575 :

Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku, Jurnal Dan Majalah Terbitan Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu
2 Julai 2025
Jam 3.30 Petang





BALAI KHAZANAH ISLAM
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH ISLAMIC KHAZANAH HALL

قَمْبُوكَا ن بِلِيق رَامْبُوت مَوْلِيا رَسولِ اللّٰه

PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA RASULULLAH

سَمِعْنَا
سَمِعُونَا إِلَى الْهِجْرَةِ ١٤٤٧

SEMPENA SAMBUTAN
ILAL HIJRAH 1447H

TEMPAH TIKET
AWDA DI SINI



**DIBUKAKAN UNTUK KUNJUNGAN
ORANG RAMAI SELAMA**

3 HARI

SABTU - ISNIN
2 - 4 MUHARRAM 1447
28 - 30 JUN 2025
9:00 pagi - 5:00 petang

WAKTU KAUNTER TIKET
8:30 PAGI HINGGA 4:00 PETANG

NOTA : TIKET LAWATAN BOLEH DIBELI LEBIH AWAL, TIDAK MEMPUYAI TARIKH LUPUT, DAN SAH DIGUNAKAN SEKALI.

📷 BKISHHB.BN
🌐 BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
🌐 WWW.BKISHHB.GOV.BN
📞 2220702 EXT 140



جابتن تناک

JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI/NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TIP PENJIMATAN TENAGA

LAMPU



OFF
ON

Padamkan lampu apabila tidak digunakan.



Buka langsir dan bidai pada waktu siang untuk pencahayaan semula jadi.



Sentiasa bersihkan lampu daripada habuk dan kotoran.



MEMASTIKAN PENYAMPAIAN CERAMAH BERKESAN, KONSISTEN

Siaran Akhbar dan Foto :
Pusat Da'wah Islamiah



FASILITATOR jemputan bagi halaqah tersebut ialah Pensyarah Kanan Pendidikan dan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Haji Gamal Abdul Nasir bin Haji Zakaria.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 Jun. - Seramai 100 orang menyertai Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-71 Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi anjuran Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie.

Peserta-peserta halaqah adalah terdiri daripada Jabatan Agama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan; Jabatan

Hal Ehwal Masjid dan Bahagian Kemajuan Syiar Islam serta pensyarah dan penolong pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) di bawah KHEU; pensyarah dan penolong pensyarah Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Da'ie-Da'ie dari Jabatan Kerajaan, swasta dan Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei serta para pegawai dan kakitangan PDI.

Majlis halaqah dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar



PENGARAH Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh hadir selaku tetamu kehormat pada Halaqah Bimbingan Da'ie Kali Ke-71 Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi.

dan Surah Al-Fatihah diikuti dengan penyampaian cenderahati kepada fasilitator jemputan yang disempurnakan oleh Pengarah PDI, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh selaku tetamu kehormat.

Fasilitator jemputan bagi halaqah tersebut ialah Pensyarah Kanan Pendidikan dan Bahasa Arab, Institut Pendidikan Sultan

Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Profesor Madya Dr. Haji Gamal Abdul Nasir bin Haji Zakaria.

Selesai pembentangan daripada fasilitator jemputan, acara diikuti dengan sesi perbincangan serta soal jawab kepada para peserta dan jemputan yang hadir.

Halaqah Bimbingan Da'ie

bertujuan untuk memastikan setiap ceramah yang disampaikan sentiasa konsisten, berkesan dan berwibawa serta selaras dengan isu-isu semasa dan seiring dengan arus perkembangan zaman.

Ia juga menjadi platform pertukaran pandangan dan pengalaman antara para penceramah.

BRUNEI MYCE 2025 EVENT SCHEDULE 19TH MAY - 17TH JULY 2025



MAY

Environment

Ocean Week Brunei 2025

Date: 3 May - 29 June | Venue: Various locations (UBD, One City Mall, Poni Marine Office, Serasa Beach)

Current Affairs

ASEAN Education Workplan 2021-2025
Navigating the 21st Century Leadership:
Shaping Tomorrow's Schools Today Workshop

Date: 19 - 22 May | Venue: TBC

Current Affairs

APCA-ANPOR Universiti Brunei
Darussalam 2025 ConferenceDate: 27 - 28 May | Venue: Universiti Brunei
Darussalam

Islamic

Brunei Islamic Sustainable Finance
Forum

Date: 28 - 29 May | Venue: Mulia Hotel



JUNE

Islamic

International Conference Mazhab Shafii

Date: 3 - 4 June | Venue: International Convention
Centre

Environment

3rd Borneo Studies Network Conference

Date: 3 - 4 June | Venue: Universiti Brunei
Darussalam

Technology & Innovation

Digital Future Conference and Exhibition
(DFCE) 2025

Date: 4 - 5 June | Venue: Setia Point, Jaya Setia

Environment

Mushroom Discovery Week: Spore to
ScienceDate: 3 - 5 June | Venue: Universiti Brunei
Darussalam

Technology & Innovation

SPI BN Technology Discovery Series 2025
Exploring Innovations in Connectivity,
Cybersecurity, and Capacity Building

Date: 3 - 18 June | Venue: Brunei Innovation Lab

Current Affairs

First National Conference for Persons
With Different AbilitiesDate: 10 - 11 June | Venue: International
Convention Centre

Current Affairs

2nd International Conference on Curriculum
Pedagogy and Assessment 2025

Date: 10 - 11 June | Venue: Universiti Brunei Darussalam

Current Affairs

UBD STEAM Festival 2025

Date: 10 - 13 June | Venue: Universiti Brunei
Darussalam

Environment

UBD-AUN Summer Camp 2025

Date: 15 - 28 June | Venue: Universiti Brunei
Darussalam

Current Affairs

International Conference of Applied
Psychology and PedagogyDate: 16 - 17 June | Venue: International
Convention Centre & Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan

Current Affairs

Corporate Governance Forum

Date: 16 - 17 June | Venue: Indera Samudra Grand
Hall, The Empire Brunei

Environment

Brunei Darussalam Conference on
Forest to ReefDate: 17 - 19 June | Venue: International
Convention Centre

Current Affairs

National Parliamentary Dialogue:
Promoting woman's political participation
and leadershipDate: 18 June | Venue: The Legislative
Council Building

BRUNEI MYCE 2025

BRUNEI
ABODE OF PEACEExplore
Brunei

Technology & Innovation

Digital Innovation by NIAT

Date: 19 June | Venue: Radisson Hotel

Current Affairs

National Parliamentary Dialogue:
Promoting Responsible Investment In Food,
Agriculture, And Forestry (ASEAN RAI)Date: 19 June | Venue: The Legislative Council
Building, Department of Councils of State

Islamic

Bengkel E To Soul Belia Islam MABIMS

Date: 23-25 June | Venue: Radisson Hotel

Islamic

International Conference on Islamic
Manuscripts 2025Date: 21 - 24 June | Venue: Balai Khazanah
Islam Sultan Haji Hassan Bolkiah

Technology & Innovation

EU-Brunei Darussalam Policy
Outreach and Exchange Seminar on
Artificial Intelligence

Date: 24 June | Venue: J Hotel

Technology & Innovation

STACK 2025

Date: 23 - 25 June | Venue: An-Naura
Hall, Yayasan Sultan Haji Hassan
Bolkiah Complex

Current Affairs

Borneo Business Roundtable

Date: 30 June | Venue: Songket Ballroom,
Rizqun International Hotel

JULY

Current Affairs

Brunei Business Conference 2025
Building a Future-Ready Economy: Investment,
Innovation and Inclusive Growth

Date: 1 July | Venue: Rizqun International Hotel

MEMUPUK AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KESELAMATAN, AKAUNTABILITI ALAM SEKITAR

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

ANGGEREK DESA, Isnin, 23 Jun. - Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) pagi tadi mengadakan Bengkel Kesedaran ISO yang memberikan tumpuan kepada dua standard antarabangsa utama, iaitu, ISO 45001:2018 - Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan ISO 14064 - Pelepasan dan Penyingkiran Gas Rumah Hijau (GHG).

Bengkel berkenaan yang diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Design & Technology di Kampung Anggerek Desa,

menghimpunkan para peserta daripada sektor kerajaan dan industri bagi memupuk amalan terbaik dalam pengurusan keselamatan serta akauntabiliti alam sekitar.

Hadir bagi merasmikan bengkel berkenaan, Pemangku Pengarah PSABD, MOFE, Dayangku Hajah Nadiah Annasyitah binti Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Dayangku Hajah Nadiah Annasyitah dalam ucapan alu-aluannya menekankan kepentingan standard antarabangsa sebagai asas utama dalam usaha membina negara yang lebih selamat, sihat dan mampan.

Beliau juga menyatakan bahawa bengkel berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran awam, membina keupayaan institusi dan menyokong aspirasi yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035 dan Brunei Darussalam Economic Blueprint.

Kedua-dua bengkel berkenaan dikendalikan oleh General Manager, AJA EQS Certification, Roslaini Khaidir.

Sesi sebelah pagi dimulakan dengan ISO 45001:2018, yang merupakan satu standard antarabangsa yang memfokuskan kepada peningkatan keselamatan dan mengurangkan risiko di tempat kerja.

Para peserta meneroka



PEMANGKU Pengarah Pusat Standard dan Akreditasi Brunei Darussalam (PSABD) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Dayangku Hajah Nadiah Annasyitah binti Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar hadir bagi merasmikan bengkel berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, bengkel berkenaan dikendalikan oleh General Manager, AJA EQS Certification, Roslaini Khaidir.

bagaimana standard berkenaan membolehkan organisasi mengenal pasti bahaya secara proaktif, mengurangkan risiko dan menggalakkan budaya keselamatan yang kukuh di semua peringkat daripada pihak pengurusan hingga ke barisan hadapan.

Manakala, sesi sebelah petang pula beralih kepada tema tanggungjawab iklim, dengan memperkenalkan ISO 14064 sebagai standard penting bagi organisasi yang ingin mengukur dan melaporkan pelepasan GHG.

Sesi berkenaan adalah sangat relevan dengan objektif kebangsaan di bawah Dasar Kebangsaan

Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP).

Kaedah praktikal bagi mengira dan mengesahkan pelepasan serta penyingkiran GHG telah diperkenalkan, sekali gus menyokong ketelusan dan mewujudkan asas untuk strategi karbon rendah.

PSABD kekal komited dalam mempromosi budaya kualiti dan kecemerlangan di Negara Brunei Darussalam.

Sepanjang bengkel berkenaan, kaitan antara standard, produktiviti dan kemampunan telah diberikan penekanan. Standard antarabangsa tersebut tidak hanya dilihat sebagai alat pematuhan, tetapi juga sebagai pemangkin strategik bagi inovasi, kecekapan operasi dan ketahanan jangka panjang.

BENGKEL diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Design & Technology di Kampung Anggerek Desa.



Menjaga kebersihan sungai tanggungjawab bersama

PENCEMARAN sungai merupakan salah satu masalah alam sekitar yang semakin membimbangkan di negara kita. Sungai yang dahulunya bersih dan menjadi sumber kehidupan kepada penduduk kini semakin tercemar akibat sikap tidak bertanggungjawab manusia. Antara punca utama pencemaran sungai ialah pembuangan sampah sarap, sisa industri dan bahan kimia berbahaya secara sesuka hati ke dalam sungai. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan ekosistem sungai, malah turut mengancam kesihatan manusia.

Air sungai yang tercemar mengandungi pelbagai bakteria dan

bahan toksik yang boleh menyebabkan penyakit seperti taun dan cirit-birit. Selain itu, pencemaran ini turut menjejaskan sumber rezeki para nelayan sungai yang bergantung kepada hasil tangkapan seperti ikan dan udang. Aktiviti riadah seperti memancing yang dahulunya menjadi hobi keluarga turut terjejas.

Banyak ikan mati akibat pencemaran, manakala sebahagian lagi tidak selamat untuk dimakan. Hal ini menyebabkan ramai pemancing kecewa kerana tidak lagi dapat menikmati hobi tersebut dengan selamat dan gembira.

Lebih membimbangkan, pencemaran sungai turut mengancam kehidupan

hidupan lain seperti katak, udang, siput dan pelbagai spesies ikan. Bahan kimia berbahaya boleh menyebabkan binatang kehidupan ini mati atau cacat, sekali gus mengganggu rantaian makanan di dalam sungai. Jika keadaan ini dibiarkan berlarutan, banyak spesies haiwan air akan pupus dan ekosistem sungai akan musnah.

Oleh itu, tanggungjawab memelihara kebersihan sungai bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata tetapi merupakan tanggungjawab bersama. Pihak berkuasa boleh melaksanakan undang-undang yang lebih tegas terhadap mereka yang mencemarkan sungai. Pada masa yang sama,

masyarakat perlu memainkan peranan dengan tidak membuang sampah ke dalam sungai serta menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan sungai.

Kesimpulannya, menjaga kebersihan sungai adalah amanah bersama demi kelangsungan hidup kita, hidupan sungai, dan alam sekitar. Jika semua pihak berganding bahu memikul tanggungjawab ini, pasti sungai akan kembali bersih dan hobi memancing dapat dinikmati semula oleh semua.

Nama : Dk. Nur Rahwani Najibah binti Pg. Haji Abd. Hamid
No. K/P : 01-100XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bagaimana AI Mengubah Landskap Pekerjaan Masa Depan'. Tarikh Tutup : 25 Jun 2025
2. 'Mengurus Masa, Tekanan Dalam Dunia Serba Pantas'. Tarikh Tutup : 2 Julai 2025
3. 'Kepentingan Bahasa Ibunda Dalam Kalangan Generasi Muda'. Tarikh Tutup : 9 Julai 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.

atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

LAWATAN KENALI FUNGSI JABATAN PENJARA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Faidil Rosemady Mohamad

AHLI Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri mengadakan Program Lawatan ke Institusi Penjara Wanita, Jerudong.

MUKIM MENTIRI, Isnin, 23 Jun. - Ahli Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung Berserumpun Kawasan 4 Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mukim Mentiri telah mengadakan Program Lawatan ke Institusi Penjara Wanita, Jerudong yang merupakan

salah satu aktiviti cuti penggal persekolahan baru-baru ini.

Rombongan yang disertai oleh seramai 28 orang termasuk belia

dan beliawanis Berserumpun Kawasan 4 berkenaan itu diketuai oleh Pemangku Penghulu Mukim Mentiri, Awang Faidil Rosemady

bin Mohamad juga selaku Ketua Kampung Kawasan 4 RPN Kampung Panchor, Mukim Mentiri.

Pada program lawatan tersebut itu, rombongan telah diberikan taklimat oleh Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Penjara, Sarjan 493 Siti Habibah binti Haji Mahbub.

Taklimat antara lain menerangkan mengenai asbab-asbab kenapa banduan dimasukkan di penjara, tatacara sebatan kepada penjenayah-penjenayah yang jatuh hukuman dan lain-lain lagi.

Rombongan juga berkesempatan melawat bilik-bilik tahanan dan juga hasil bengkel banduan seperti pertukangan buatan songkok, jahitan, keychain, beg tangan dan sebagainya.

Adanya lawatan seumpama ini diharap akan dapat memberikan sedikit pengetahuan orang ramai mengenai fungsi Jabatan Penjara dan aktiviti-aktiviti yang dikendalikan seperti mengasuh kemahiran para tahanan penjara semasa berada dalam tahanan.

Tingkatkan pengetahuan pelajar mengenai ASEAN



TAKLIMAT Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail (atas). Manakala gambar bawah, sebahagian daripada 216 pelajar Tahun 9 yang menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Hasan.

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

MULAUT, Selasa, 24 Jun. - Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Korporat selaku Sekretariat bagi



Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sayyidina Hasan bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan, hari ini.

Turut hadir pada taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah, Awang Moss bin Mat Juni dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada seramai 216 pelajar Tahun 9.

Tujuan taklimat antara lain untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh pengetua sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN, ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama juga

Meningkatkan kesedaran kepentingan menderma darah



ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah baru-baru ini di Wonderpark Colonnade, Jerudong Park.

Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Country Club

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 Jun. - Sempena sambutan Hari Penderma Darah Sedunia, Jerudong Park Country Club (JPCC) dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre (JPCC) telah menganjurkan Kempen Derma Darah baru-baru ini bertempat di Wonderpark Colonnade, Jerudong Park.

Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan JPCC dalam menyokong kesihatan komuniti serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan menderma darah terhadap kesihatan dan tubuh penderma.

Seramai 49 individu tampil untuk menyertai kempen berkenaan, termasuk orang awam, kakitangan dan pihak pengurusan JPCC.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 32 penderma berjaya menderma darah.

JPCC berharap agar usaha berkenaan dapat menggalakkan lebih ramai orang untuk menjadi penderma darah secara tetap.

Kempen berkenaan akan dilaksanakan secara berterusan sebagai salah satu inisiatif JPCC untuk membantu keperluan darah di Unit Tabung Simpanan Darah bagi mereka yang memerlukan.

dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi

kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengamalkan hala tuju negara satu masa nanti.



- Penyalahgunaan dadah merupakan musuh nyata kepada negara, masyarakat dan agama.
- Pendidikan awal dan kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah penting bagi menangani isu penyalahgunaan dadah.
- Orang ramai juga haruslah peka taktik penyeludupan dadah antarabangsa.
- Sejumlah peruntukan disediakan oleh pihak kerajaan dalam menangani isu dan permasalahan dadah termasuk penyediaan pusat rawatan dan pemulihan bagi membantu memulihkan bekas pengguna dadah.
- Penglibatan NGO membantu memberikan sokongan moral kepada para lepasan pusat rawatan amat dihargai.
- Proses menuju kepulihan bukanlah mudah. Ia memerlukan kekuatan dalaman, bimbingan dan sokongan luaran terutamanya daripada keluarga dan masyarakat.
- Bekas pengguna dadah berhak diberi peluang agar dapat kembali menjadi anggota masyarakat yang berguna.
- Pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu perlu bagi melahirkan masyarakat masa depan tanpa penyalahgunaan dadah.

Membina generasi sihat tanpa dadah

SU penyalahgunaan dadah merupakan satu isu global yang memberi impak yang mendalam terhadap individu, keluarga serta masyarakat kita. Ia bukan sahaja memusnahkan kehidupan ribuan orang tetapi juga memberi kesan negatif kepada keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Penyalahgunaan dadah merupakan musuh nyata kepada negara, masyarakat dan agama. Ia bukan sahaja merosakkan fizikal dan mental malah menghancurkan maruah, mengheret keluarga ke dalam penderitaan dan memporak-perandakan masyarakat. Ia juga boleh mengakibatkan meningkatnya perlakuan jenayah dalam masyarakat seperti mencuri, merompak, peras ugut, mencederakan orang lain dan membunuh.

Beberapa faktor yang menyumbang peningkatan kes penyalahgunaan dadah adalah termasuk faktor sosial, ekonomi, budaya dan individu. Contohnya, tekanan sosial yang tinggi, kurangnya pendidikan, gangguan emosi dan keluarga yang berpecah belah dapat mempengaruhi seseorang untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Selain itu, kemerosotan moral dan nilai-nilai sosial dalam masyarakat juga turut menyumbang kepada peningkatan kes penyalahgunaan dadah.

Pendidikan awal

Adapun penyelesaian untuk mengurangkan kes penyalahgunaan dadah dalam masyarakat itu adalah melalui pendidikan awal dan kesedaran mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kalangan ahli keluarga, meningkatkan undang-undang dan penguatkuasaan serta memperbaiki keadaan sosial dan ekonomi masyarakat.

Pendidikan dan kesedaran adalah senjata utama dalam menangani isu ini. Dengan memberi pengetahuan yang tepat tentang bahaya penyalahgunaan dadah, ia dapat mencegah generasi akan datang daripada terjebak dalam kancan ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah pada Hari Belia Kebangsaan Ke-16 pada tahun 2021, antara titah baginda :

"Masyarakat cukup sensitif dengan belia. Jika baik belia, maka masyarakat pun sangat teruja dan menyanjung mereka. Tetapi jika sebaliknya, masyarakat akan lari, menjauhi diri daripada mereka. Contohnya, apabila belia misalnya terjebak menagih dadah, maka masyarakat dengan sendirinya akan berundur, untuk melindungi diri daripada angkara dadah".

Berdasarkan titah tersebut, menunjukkan betapa para belia itu sangat berpengaruh dalam masyarakat.

Oleh yang demikian, langkah pencegahan perlu dimulakan dari peringkat awal bagi memberikan sokongan dan bimbingan kepada golongan belia untuk menerajui kehidupan yang berjaya dan bebas daripada jenayah dadah. Pada masa yang sama, pihak kerajaan serta masyarakat perlu berganding bahu bersama-sama dalam usaha membasmi kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram bagi memastikan Negara Brunei Darussalam berada dalam keadaan selamat, aman dan sejahtera daripada dihindarkan oleh ancaman dadah.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Maidah, ayat 2 :

Tafsirnya : "Dan tolong-menolonglah kamu dalam kebajikan dan ketakwaan dan janganlah tolong-menolong dalam dosa dan permusuhan (melanggar hukum Allah). Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat berat seksa-Nya".

Selain isu penyalahgunaan dadah, orang ramai juga haruslah peka akan perkembangan dan taktik penyeludupan dadah antarabangsa yang semakin licik dan boleh memperdayakan orang awam. Penglibatan warga tempatan dalam jenayah yang serius di luar negara adalah sangat membimbangkan. Baru-baru ini, telah dilaporkan dalam media bahawa Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah merungkai penglibatan lima warga tempatan berumur 22 hingga 38 tahun dalam kegiatan penyeludupan dadah yang didalangi oleh sindiket dadah antarabangsa.

Modus operandi sindiket ini ialah dengan merekrut rakyat tempatan untuk memperoleh bekalan dadah yang disembunyikan di dalam bagasi khas untuk diseludup dari negara jiran ke negara lain di Benua Eropah dengan janji bayaran yang lumayan.

BKN ingin mengingatkan orang ramai agar tidak terpedaya dengan tipu helah penjenayah yang menawarkan pendapatan wang secara mudah dan lumayan. Semua pihak perlu sentiasa berwaspada menerima tawaran kerja dengan ganjaran yang mencurigakan dan dikhawatiri boleh membawa kesalahan dari sisi undang-undang di luar negara, pemenjaraan dan mendatangkan bahaya kepada keselamatan masing-masing. Penyertaan dalam kegiatan jenayah tanpa disedari dan sengaja bukan satu alasan pembelaan diri yang boleh diterima sebaiknya.

Komitmen tinggi

Pada Jun 1987, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengisytiharkan setiap 26 Jun sebagai Hari Antarabangsa Menentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah Haram. Ini menunjukkan komitmen tinggi menentang penyalahgunaan dadah di peringkat global.

Pihak kerajaan telah menyediakan

Oleh : Norlia Md. Zain

Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Biro Kawalan Narkotik

Infografik : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

sejumlah peruntukan dalam menangani isu dan permasalahan dadah. Ini termasuklah penyediaan pusat rawatan dan pemulihan bagi membantu memulihkan bekas pengguna dadah. Pelbagai pendekatan pemulihan dan juga program-program disediakan kepada mereka bagi membantu dan menunjukkan kaedah-kaedah kepada mereka untuk menghindarkan diri daripada terus bergantung pada aktiviti menyalahgunakan dadah.

Kita juga bersyukur kerana terdapat juga beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) di negara ini yang komited tanpa kendur-kendur memberikan sokongan kepada para lepasan dari pusat rawatan seperti memberikan kemahiran dan membantu mereka mendapat pekerjaan.

Dalam proses pemulihan, pelbagai aspek perlu diberikan perhatian, di antaranya memupuk keyakinan dan jati diri serta hala tuju dan komitmen untuk membuat perubahan ke arah kehidupan yang positif. Ini kerana pemulihan bukanlah satu proses yang mudah. Ia memerlukan kekuatan dalaman, bimbingan dan sokongan luaran terutamanya daripada keluarga dan masyarakat.

Masyarakat haruslah memberikan sokongan dan bantuan kepada mereka yang ingin berubah. Mereka berhak diberi peluang agar dapat kembali menjadi anggota masyarakat yang berguna. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali Imran, ayat 135 :

Tafsirnya : "Dan orang-orang yang apabila

melakukan perbuatan keji atau menganiayai diri mereka sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka. Dan sememangnya tidak ada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa-dosa selain Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu sedang mereka mengetahui (akibatnya)".

Bersama menangani

Perjuangan dalam menangani isu penyalahgunaan dan pengedaran dadah ini bukanlah sesuatu yang mudah dan singkat. Namun, dengan kerjasama dan kesedaran bersama, kita mampu membina generasi yang lebih sihat dan berdaya saing.

Pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu yang melibatkan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, sokongan dan dukungan masyarakat serta semua individu yang menyedari akan bahaya dan kesan dari kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah haram, adalah perlu bagi melahirkan masyarakat masa depan tanpa penyalahgunaan dadah.

Dengan mengamalkan nilai-nilai Islam dan memberikan sokongan yang mencukupi kepada individu yang terlibat, kita dapat membentuk masyarakat yang bebas daripada penyalahgunaan dadah dan lebih kukuh dalam mempertahankan nilai-nilai murni Islam.





CHINA, SINGAPURA SEDIA TINGKATKAN KERJASAMA KOMPREHENSIF

BEIJING, 24 Jun. - Perdana Menteri China, Li Qiang mengadakan rundingan dengan rakan sejawatnya dari Singapura, Lawrence Wong di Dewan Besar Rakyat Beijing pada Isnin.

Li berkata China bersedia menggunakan sepenuhnya mekanisme kerjasama dua hala China-Singapura, melaksanakan rancangan kerjasama di bawah

inisiatif Jalur dan Laluan (BRI) dan memperkasakan projek kerjasama kemegahan.

"China bersedia untuk meningkatkan skala perdagangan dan pelaburan dua hala dengan Singapura, secara proaktif meluaskan kerjasama di pasaran pihak ketiga, sementara meneroka lebih banyak inisiatif kerjasama dalam sektor ekonomi digital, ekonomi hijau, kecerdasan buatan (AI), bandar pintar dan tenaga maritim.

"China dan Singapura dikehendaki memperkasakan pertukaran dalam bidang pendidikan, kebudayaan, pelancongan dan media demi mengukuhkan asas rakyat bagi persahabatan dan kerjasama kedua-dua negara," kata Li.

Beliau mengatakan bahawa China dan Singapura perlu mempertahankan regionalisme terbuka dan multilateralisme yang sebenar, mempromosikan kebebasan dan kemudahan

perdagangan dan pelaburan demi memelihara kestabilan dan kelancaran rantaian bekalan perindustrian global.

Wong pula berkata, pihaknya ingin mengambil peluang dari ulang tahun ke-35 terjalinnya hubungan diplomatik antara Singapura dengan China, meningkatkan pertukaran lawatan peringkat tinggi dan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan China.

"Singapura bersedia mendorong pembinaan projek kerjasama

kemegahan dengan China, seperti Taman Industri Suzhou, di samping meneroka potensi kerjasama dalam sektor baharu seperti ekonomi digital, AI dan bioperubatan," kata Wong.

Beliau juga menyatakan bahawa Singapura menyokong China untuk menganggotai Perjanjian Komprehensif Dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Digital (DEPA). - ©BERNAMA

19 penumpang terperangkap dalam kereta kabel di Austria akibat cuaca buruk

VIENNA, 24 Jun. - Seramai 19 orang dilaporkan terperangkap selama beberapa jam di dalam sebuah kereta kabel di barat Austria susulan ribut yang melanda kawasan terbabit, lapor agensi berita Jerman dpa memetik laporan media tempatan.

Operasi menyelamat yang mencabar dilancarkan lebih empat jam selepas tali kereta kabel Karren tergelincir dari landasan akibat tiupan angin kencang pada petang Isnin, menurut laporan media Austria.

Kabin yang memuatkan 19 orang dan seekor anjing itu tergantung pada ketinggian antara 60 hingga 80 meter dari permukaan tanah.

Pasukan penyelamat terpaksa menggunakan helikopter untuk mengeluarkan kesemua penumpang yang terperangkap, menurut laporan penyiar ORF.

Kereta kabel Karren menghubungkan bandar Dornbirn ke puncak Karren, yang terletak pada ketinggian kira-kira 970 meter dan menawarkan pemandangan Lembah Rhine, Tasik Constance dan pergunungan Switzerland. - ©BERNAMA

IAEA lapor kesan serangan AS di Fordow kepada UNSC

NEW YORK, 23 Jun. - Ketua Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA) Rafael Grossi menggambarkan keadaan tiga kemudahan nuklear Iran yang disasarkan dalam serangan udara Amerika Syarikat kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Ahad.

Menurut Grossi pada mesyuarat tergempar di New York, kesan kawah letupan dapat dilihat di kemudahan pengayaan uranium bawah tanah Fordow, lapor agensi berita Jerman dpa.

Kemudahan itu secara meluas dipercayai antara sasaran paling kritikal Israel dalam perang yang tercetus sejak 13 Jun lalu.

"Pada masa ini, tiada pihak – termasuk IAEA – dapat menilai tahap kerosakan di bahagian bawah tanah Fordow," katanya.

Di Isfahan, pintu masuk ke terowong yang dipercayai digunakan untuk menyimpan bahan uranium turut menjadi sasaran serangan, kata Grossi. Sementara itu, di tapak ketiga iaitu di Natanz, satu lagi kemudahan pengayaan uranium dilaporkan terkena serangan.

Grossi memaklumkan bahawa Iran menjelaskan kepada IAEA bahawa tiada peningkatan kadar radiasi dikesan di luar ketiga-tiga lokasi terbabit.

Sehubungan itu, beliau menggesa Iran membenarkan pemeriksaan IAEA memasuki kemudahan terlibat bagi menjalankan penilaian lanjut. Beliau turut merayu agar semua pihak kembali ke meja rundingan dan diplomasi dalam tempoh yang beliau sifatkan sebagai peluang yang masih terbuka.

"Jika peluang ini tertutup, keganasan dan kemusnahan mungkin meningkat ke tahap yang tidak dapat dibayangkan dan pengawasan nuklear global seperti yang kita kenal hari ini boleh runtuh," tegasnya.

Menurut laporan, Parlimen Iran kini sedang mempertimbangkan kemungkinan menarik diri daripada Perjanjian Pengawasan Senjata Nuklear (NPT) susulan serangan AS ke atas kemudahan nuklear negara itu. - ©BERNAMA

Gunung Berapi Shinmoedake di Jepun meletus, tahap amaran kekal pada tahap dua

TOKYO, 23 Jun. - Gunung berapi Shinmoedake yang terletak di banjaran gunung di sempadan Wilayah Kagoshima dan Miyazaki, Jepun, meletus pada Ahad, menandakan letusan pertamanya sejak 2018, lapor Xinhua.

Agensi Meteorologi Jepun (JMA) melaporkan letusan berlaku sekitar 4.37 petang waktu tempatan, dengan plum abu mencecah lebih 500 meter di atas kawah.

Asap itu bergerak ke arah timur menuju Wilayah Miyazaki, dan setakat ini tiada gunung berapi yang disahkan jatuh, menurut penyiar nasional NHK.

Amaran gunung berapi tahap dua, mengehadkan kemasukan berhampiran kawah, kekal berkuat kuasa di kawasan berkenaan.

Pihak berkuasa menggesa orang ramai berwaspada dalam radius dua kilometer daripada kawah kerana risiko batu gunung berapi besar dan aliran piroklas dalam lingkungan kira-kira satu kilometer.

Penduduk dinasihatkan untuk terus berwaspada, terutama di kawasan bawah angin, kerana abu dan batu kecil mungkin dibawa angin pada jarak jauh. - ©BERNAMA

Thailand tutup lintasan sempadan dengan Kemboja susulan pertikaian berterusan

BANGKOK, 24 Jun. - Thailand menutup semua lintasan sempadan di tujuh wilayah dan menggantung pergerakan rentas sempadan melibatkan orang ramai, kenderaan dan perdagangan di sepanjang sempadan Thailand-Kemboja bagi melindungi kedaulatan negara dan menjamin keselamatan awam, di tengah-tengah pertikaian sempadan yang masih berlarutan.

Jurucakap Tentera Diraja Thailand (RTA), Mejar Jeneral Winthai Suvaree dalam satu kenyataan berkata langkah kawalan sempadan yang diperketat itu selaras dengan dasar kerajaan serta arahan dari Pusat Ad Hoc untuk Situasi Sempadan Thailand-Kemboja yang ditubuhkan bagi membanteras jenayah rentas negara, termasuk sindiket penipuan pusat panggilan dan penipuan hibrid.

"Berkuat kuasa mulai 23 Jun 2025 (Isnin), langkah ini melibatkan penggantungan sepenuhnya pergerakan rentas sempadan melibatkan orang awam,

perdagangan dan kenderaan, kecuali bagi kes kemanusiaan penting seperti rawatan perubatan segera dan keperluan pendidikan. Kes-kes ini akan dipertimbangkan oleh unit tentera tempatan," katanya.

Langkah ini bertujuan menangani ketegangan keselamatan yang berterusan dan terbuka berkesan dalam menggagalkan operasi sindiket penipuan pusat panggilan dan penipuan hibrid yang mengancam keselamatan rakyat Thailand.

Menurut data kerajaan Thailand, negara itu mengendalikan 17 lintasan sempadan rasmi dengan Kemboja merentasi tujuh wilayah di sepanjang sempadan sepanjang 817 kilometer.

Langkah-langkah kawalan mula dilaksanakan pada 7 Jun dan diperketatkan pada 23 Jun meliputi wilayah utama termasuk Ubon Ratchathani, Sisaket, Surin, Buriram dan Sa Kaeo.

Winthai menegaskan bahawa kawalan yang dipertingkatkan

menunjukkan keberkesanan dalam menyekat rangkaian penipuan hibrid dan operasi pusat panggilan yang memberi ancaman besar kepada penduduk.

Tentera Diraja Thailand turut mengulangi komitmennya untuk mengimbangi keutamaan keselamatan negara dengan pertimbangan kemanusiaan demi memastikan keselamatan dan kebajikan semua komuniti yang terjejas.

Pada Ahad, Kemboja mengisytiharkan import bahan api dan gas dari Thailand dihentikan serta mengeluarkan nasihat perjalanan yang menggesa rakyatnya agar mengelakkan perjalanan tidak penting ke negara itu.

Awal tahun ini, Thailand turut mengambil langkah serupa terhadap operasi penipuan dalam talian di Myanmar, termasuk memutuskan bekalan elektrik, internet dan gas ke kawasan sempadan yang dikaitkan dengan aktiviti penipuan. - ©BERNAMA

Bomba Greece bergelut padam kebakaran di Chios, 16 perkampungan dikosongkan

ATHENS, 23 Jun. - Pasukan bomba Greece bertungkus-lumus memadam kebakaran yang melanda pulau Chios pada Ahad, dengan pihak berkuasa tempatan memaklumkan bahawa 11 pesawat dan helikopter pemadam kebakaran telah dikerahkan bagi mengawal keadaan.

Stesen radio awam Greece, ERT melaporkan bahawa 16 perkampungan terpaksa dikosongkan susulan asap tebal yang menyelubungi kawasan terjejas, lapor agensi berita Jerman

dpa.

Sebuah pusat penerimaan dan pendaftaran migran turut dipindahkan. Menurut Kementerian Migrasi dan Suaka, seramai 629 pelarian dibawa ke kawasan selamat dan akan ditempatkan sementara di sebuah dewan sukan selama mana yang diperlukan.

Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan Greece memaklumkan bahawa asap kebakaran amat tebal sehingga dapat dilihat dari satelit, disertai rakaman video menunjukkan skala kebakaran yang meluas.

Pasukan bomba memaklumkan unit bantuan dari wilayah lain turut digerakkan ke Chios untuk membantu operasi pemadaman, dengan kebakaran kini semakin marak akibat tiupan angin kencang.

Pihak berkuasa turut mengesyaki unsur khianat.

Bomba dan polis sedang menyiasat laporan yang mendakwa bahawa kebakaran tercetus di tiga lokasi berbeza di Chios dalam tempoh beberapa minit, menurut siaran radio awam Greece. - ©BERNAMA

Lebih 1,000 migran seberang Selat Inggeris dengan bot kecil dalam tempoh dua hari

LONDON, 23 Jun. - Lebih 1,000 migran tiba di United Kingdom (UK) dalam tempoh dua hari selepas menyeberangi Selat Inggeris dengan menaiki bot kecil, menurut angka Kementerian Dalam Negeri, lapor PA Media/dpa.

Statistik Kementerian Dalam Negeri menunjukkan 437 orang melakukan penyeberangan pada Jumaat, 20 Jun, menggunakan tujuh bot, manakala pada Sabtu, seramai 583 lagi menyeberangi menggunakan lapan bot, menjadikan jumlah keseluruhan untuk dua hari itu seramai 1,020 orang.

Jumlah mingguan setakat

ini meningkat kepada 2,083, sementara jumlah keseluruhan untuk tahun ini ialah 18,400 orang berbanding 12,644 pada tarikh sama pada 2024, 10,601 pada 2023 dan 11,739 pada 2022.

Ketibaan terbaharu ini berlaku meskipun pihak berkuasa Perancis dilihat mengambil pendekatan lebih tegas di pantai mereka.

Perdana Menteri Britain, Keir Starmer minggu ini berkata situasi itu semakin bertambah buruk dan memberi amaran mengenai kemungkinan sekatan visa.

Beliau memberi isyarat bahawa negara yang tidak mengambil

langkah mencukupi untuk menangani krisis migrasi tidak sah, termasuk menerima semula pemohon suaka yang gagal, mungkin berdepan kesan terhadap jumlah visa yang diberikan kepada rakyat mereka.

Kenyataan Starmer dibuat ketika polis Perancis dilihat menggunakan taktik lebih tegas di pantai minggu ini, termasuk menggunakan gas pemedih mata.

Namun, mereka juga dilihat hanya memerhati apabila pendatang sudah memasuki air untuk menaiki bot kecil dalam usaha menyeberangi Selat Inggeris. - ©BERNAMA



Teqball : Serlahkan kemahiran mengawal bola

SUKAN Teqball merupakan sukan yang sudah tidak asing lagi dalam kalangan peminat-peminat sukan seluruh dunia. Sukan ini sangat unik kerana ia menggabungkan sukan bola sepak, sepak takraw dan ping pong yang dimainkan atas meja khas Teqball yang melengkung.

Sukan ini memerlukan kemahiran pengawalan bola di kaki yang tinggi dan juga pemikiran strategik yang padu serta ketangkasan gerakan badan yang tinggi. Pemain yang mempunyai asas dalam sukan bola sepak dan sepak takraw akan mudah untuk menguasai sukan ini. Kelebihan dalam menimang atau 'menekong' bola adalah satu kelebihan untuk bermain sukan ini.

Sukan ini mula diperkenalkan di Hungary dan sejak ia diperkenalkan, sukan Teqball ini digunakan sebagai latihan mengawal bola bagi beberapa kelab-kelab bola sepak gergasi di Eropah dan beberapa pemain bintang bola sepak juga memiliki meja Teqball di kediaman mereka.

mereka.

Ada beberapa peraturan asas sukan Teqball yang perlu diketahui oleh mereka yang ingin mencuba iaitu sukan ini dimainkan secara format 'Best of 3' dengan maksimum 12 mata setiap set dan *deuce* pada set terakhir sahaja dan dimenangi dengan kelebihan 2 mata.

Setiap pemain atau pasukan dibenarkan tidak melebihi tiga sentuhan sebelum menghantar bola ke pihak lawan dan tidak boleh menyentuh bola dua kali berturut-turut menggunakan anggota badan yang sama. Contohnya, menimbang bola menggunakan kaki kanan bahagian bawah untuk sentuhan pertama, kemudian menggunakan kaki kanan bahagian bawah yang sama untuk sentuhan kali kedua. Ini dipanggil 'Repeated Touch'.

Para pemain juga tidak boleh menghantar bola ke pihak lawan menggunakan bahagian badan yang sama. Contohnya, menghantar bola ke pihak lawan menggunakan kepala, kemudian

pemain terima bola lagi dari pihak lawan dan menghantar lagi bola ke pihak lawan menggunakan kepala. Ini dipanggil 'Repeated Return'.

Di Negara Brunei Darussalam, Persatuan Teqball Brunei Darussalam secara rasmi ditubuhkan pada Januari 2011.

Pelita Brunei berkesempatan menemui bual Presiden Persatuan Teqball Brunei Darussalam, Mohammad Shukri bin Haji Damit dan mengongsikan perkembangan sukan ini di tanah air. Menurut Mohammad Shukri, Persatuan Teqball Brunei Darussalam secara proaktif bekerjasama dengan beberapa agensi termasuk agensi kerajaan dalam mengembangmajukan sukan ini yang mana sebanyak 17 buah sekolah telah menerima meja Teqball yang dikenali sebagai Teqlite dan juga bola untuk diserapkan ke dalam Kokurikulum Berasaskan Aktiviti (CCA) dan juga beberapa buah meja juga telah diagihkan ke dewan-dewan di



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Ihsan Persatuan Teqball Brunei Darussalam

bawah kawalan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di seluruh daerah.

Dari segi pencapaian, Mohammad Shukri juga mengongsikan, pada tahun 2023, Persatuan Teqball Brunei Darussalam telah menghantar atlet negara untuk bertanding di peringkat dunia yang mana wakil negara telah berjaya melepasi peringkat kumpulan dan terkandas di peringkat 16 terakhir.

Dalam meningkatkan inisiatif persatuan untuk secara proaktif memajukan sukan ini, pihak persatuan mengadakan latihan

bagi pemain kebangsaan pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat bermula jam 7.00 malam hingga 9.00 malam. Latihan pada setiap hari Isnin dan Jumaat diadakan di gelanggang luar Netball di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah manakala latihan pada hari Rabu diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Orang ramai juga dialu-alukan untuk hadir dan turut serta dalam latihan bersama jurulatih dan pemain-pemain yang berpengalaman.

Berkenaan dengan perancangan Persatuan Teqball Brunei Darussalam untuk masa depan, pihak persatuan merancang beberapa inisiatif contohnya, kursus jurulatih dan pengadil akan diadakan setiap tiga bulan untuk membuat persiapan kejohanan-kejohanan akan datang.

Sukan Teqball juga telahpun memasuki SEA Games pada edisi tahun ini, di mana pemain kebangsaan sudah memulakan latihan yang gigih bersama jurulatih. Pada masa ini, kejohanan yang tersedia adalah Kejohanan Piala Pusingan Peringkat Sekolah Menengah dan Kejohanan Piala Pusingan Teq. Pihak persatuan berhasrat ingin membuat kejohanan Teq di setiap daerah untuk mencungkil bakat-bakat baharu.

Untuk terakhirnya, Mohammad Shukri selaku Presiden Persatuan Teqball Brunei Darussalam berharap sukan ini mendapat sokongan dan dukungan yang lebih padu daripada semua pihak dengan penyediaan gelanggang khas sekali gus meningkatkan motivasi para pemain dan juga orang ramai untuk terus mengembangkan sukan ini dan mampu membawa Negara Brunei Darussalam ke peringkat antarabangsa.





ePaper Pelita Brunei



MEMPERKUKUH KEPIMPINAN DALAM PENGURUSAN HUTAN LESTARI, TANGANI CABARAN IKLIM



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku tetamu kehormat menyertai aktiviti Nature Walk, di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas (kiri sekali), manakala gambar kiri, antara yang menyertai acara tersebut.

the EU Mission to ASEAN, Sander Happaerts, dalam ucapannya antara lain berkata, inisiatif Nature Walk hari ini merupakan bukti komitmen EU dalam usaha menjadikan dunia lebih hijau.

Tambahnya, EU telah menyatakan hasrat untuk menanam tambahan tiga bilion pokok sebagai sebahagian daripada strateginya untuk memulihkan alam semula jadi dan mencapai keseimbangan iklim.

Lebih daripada 80 orang telah menyertai aktiviti berjalan ini, yang menonjolkan keindahan biodiversiti hutan kerangas (hutan tanah berpasir tropika) yang telah dipulihkan selepas beberapa kejadian kebakaran hutan di Berakas.

Turut hadir, Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi Luar Negara di NBD, pegawai-pegawai kerajaan, delegasi EU ke Republik Indonesia dan NBD, masyarakat tempatan serta belia dalam komitmen bersama mereka terhadap pemuliharaan biodiversiti.

Dengan melibatkan para peserta dalam pengalaman luar yang bermakna, acara berkenaan menyerlahkan kaitan antara kesihatan manusia dan alam sekitar, sambil menggalakkan dialog mengenai perlindungan alam sekitar, biodiversiti, dan amalan lestari di NBD dan peringkat antarabangsa.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar

BERAKAS, Isnin, 23 Jun. - Kemudahan Perkongsian Kesatuan Eropah (EU) - Brunei Darussalam (EU - Brunei Darussalam Partnership Facility), dengan kerjasama Green Brunei, telah menganjurkan aktiviti Nature Walk, di Taman Rekreasi Hutan Simpan Berakas, di sini.

Terdahulu itu, Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab, yang juga selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapamannya antara lain menyatakan, kesan perubahan iklim semakin ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini, sekali gus mengukuhkan keperluan mendesak untuk menangani cabaran alam sekitar dan iklim, baik di peringkat tempatan mahupun global.

Strategi kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) jelasnya, mencerminkan

keutamaan berkenaan melalui Dasar Perhutanan Negara dan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD (Brunei Darussalam National Climate Change Policy - BNCCP).

Dayang Hajah Tutiatiy seterusnya berkata dengan kira-kira 72 peratus daripada kawasannya kini diliputi hutan, NBD komited untuk mewartakan sekurang-kurangnya 55 peratus daripada keluasan tanahnya sebagai hutan simpan.

Tambahnya, ini adalah seperti yang termaktub dalam Dasar Perhutanan Negara bagi memelihara biodiversiti, menyokong pengurusan hutan secara lestari dan industri pembalakan, serta mengurus sumber hutan kita demi manfaat generasi masa kini dan akan datang.

Komitmen ini tekannya, sejajar rapat dengan Strategi 2 dalam BNCCP, yang menggariskan keutamaan utama dalam

menangani cabaran iklim.

Jelasnya lagi, salah satu daripadanya ialah komitmen untuk menanam 500,000 pokok menjelang 2035 sebagai penyelesaian berasaskan alam semula jadi untuk mitigasi perubahan iklim.

"Sehingga 14 Jun 2025, sebanyak 186,698 pokok telah ditanam sejak pelancaran BNCCP pada 2020 ke arah mencapai sasaran kebangsaan ini.

"Aktiviti seperti Nature Wellness Walk hari ini merupakan sebahagian penting dalam meningkatkan kesedaran orang awam dan menyokong Strategi 10 mengenai kesedaran dan pendidikan dalam BNCCP.

"Dengan menggalakkan orang ramai untuk berhubung dengan alam semula jadi, kita memupuk penghargaan yang lebih mendalam terhadap peranan bersama kita dalam melindungi alam sekitar.

"Pemuliharaan hutan kekal penting bukan sahaja untuk memelihara biodiversiti, malah

untuk memastikan kelestarian jangka panjang ekosistem kita," ujarnya lagi.

Sebagai sokongan terhadap keutamaan negara katanya lagi, KSSUP melalui Jabatan Perhutanan terus memperkukuh kepimpinan NBD dalam pengurusan hutan lestari dan tindakan iklim.

Jabatan Perhutanan juga jelasnya, menyumbang kepada pembangunan kapasiti serantau, seperti Latihan ASEAN mengenai Perakaunan Karbon Hutan yang diadakan pada April lalu dengan sokongan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jerman di bawah Program Tindakan Iklim ASEAN-Jerman (GIZ-CAP).

Latihan berkenaan jelasnya, merangkumi lawatan lapangan ke hutan paya gambut di Badas, salah satu ekosistem tanah gambut yang paling terpelihara di rantau ini dan juga penyerap karbon yang penting.

Sementara itu, Green and Digital Counsellor at the EU Delegation to Republik Indonesia and NBD and

Atletico Madrid tersingkir walaupun menang ke atas Botafogo di Piala Dunia Kelab FIFA

LOS ANGELES, 24 Jun. - Atletico Madrid menjadi pasukan Eropah pertama yang tersingkir daripada Piala Dunia Kelab FIFA 2025 walaupun gol lewat Antoine Griezmann membantu Botafogo dari Brazil 1-0 dalam Kumpulan B pada Isnin.

Kemenangan tipis itu tidak cukup untuk menghantar pasukan Sepanyol itu ke peringkat kalah mati, kerana tiga pasukan menamatkan saingan dengan enam mata dalam kumpulan.

Atletico diketepikan kerana perbezaan gol, menduduki tempat ketiga di belakang Paris Saint-Germain dan Botafogo.

Atletico mendominasi perlawanan dengan 22 pukulan tetapi bergelut untuk menyempurnakan sehingga minit ke-87, apabila Griezmann melakukan hantaran lintang rendah daripada Julian Alvarez untuk memecah kebuntuan.

Botafogo, juara bertahan Amerika Selatan, menggunakan persediaan pertahanan yang

mendalam dan bergantung pada serangan balas pantas, menghasilkan empat pukulan - tiga daripadanya mengenai sasaran - yang semuanya dinafikan oleh penjaga gol Atletico, Jan Oblak.

Detik paling kontroversi dalam perlawanan itu ialah pada masa kecederaan separuh masa pertama apabila Alvarez dijatuhkan di dalam kotak. Bagaimanapun, selepas semakan VAR, pengadil memilih untuk tidak memberikan penalti, menyebabkan bantahan hangat daripada bangku simpanan Atletico.

"Setiap keputusan pengadil dalam kejohanan ini bertentangan

dengan kami," ketua jurulatih Atletico, Diego Simeone mengkritik keputusan pengadil dalam sidang media selepas perlawanan.

"Kami mempunyai jumlah mata yang sama seperti pemenang Liga Juara-Juara dan pemenang Libertadores, tetapi kami terlepas kerana perlawanan menentang Paris Saint-Germain, di mana setiap keputusan selalu menentang kami. Kami hampir. Kami bersaing dengan baik, tetapi kami masih memerlukan sedikit lagi," tambahnya.

Dalam satu lagi perlawanan Kumpulan B, yang bermula pada masa yang sama, Paris Saint-

Germain menewaskan Seattle Sounders 2-0. Keputusan itu menyaksikan Paris Saint-Germain mendahului kumpulan, mendahului Botafogo dengan perbezaan gol.

Jurulatih Botafogo, Renato Paiva berkata bahawa beberapa orang di Brazil akan percaya mereka boleh layak dari kumpulan sukar sebelum permulaan kejohanan. "Sekarang kami melakukan apa yang tidak dijangkakan. Kami perlu berterima kasih kepada peminat Botafogo, dan kami perlu berbangga dengan bola sepak Brazil," katanya. - ©XINHUA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KUATKANLAH AZAM UNTUK SENTIASA ISTIQAMAH DALAM MENDIRIKAN SEMBAHYANG LIMA WAKTU